RAJAH KESELURUHAN PENGAJIAN BAHASA MELAYU



MORFOLOGI

Def- kajian mengenai pembentukan kata

Apakah perkataan?

- deretan bunyi-bunyi yang disatukan membentuk makna.

<u>Kelas-kelas perkataan</u>

1). Kata Isi (content word)
-iaitu kata yang mempunyai makna leksikal yang tersendiri.
-KN, KK, KA

-Kadang-kadang disebut sebagai kelas terbuka

2). Kata fungsian/kata tugas (function words)

- kata yang tidak mempunyai makna leksikal tetapi mempunyai makna tatabahasa dan menunjukkan hubungan tatabahasa.

- Juga dikenali sebagai kelas tertutup

Morfem

-unit kajian morfologi adalah morfem

-unit terkecil bagi makna

- komponen paling penting bagi struktur kata adalah morfem

- Apakah morfem?
- Unit bahasa terkecil yang membawa maklumat makna atau fungsi (unit bahasa terkecil yang bermakna)

- Perkataan ‘houses’ ‘berlari’ – brp morfem?

- Sesetengah perkataan mengandungi 1 morfem sahaja.

- Contoh???

Komponen morfem

1. morfem bebas
   - morfem yang boleh menjadi perkataannya sendiri.

2. morfem terikat

- Morfem yang perlu digabungkan kepada unsur lain.
- Jenis-jenis morfem terikat BM-imbuhan
  - -Imbuhan awalan
  - -Imbuhan akhiran
  - -Sisipan
  - -Apitan

3. Alamof-bentuk-bentuk varian bagi morfem dipanggil sebagai alamof

MeN- {me, mem, men, meny,meng, menge}

Representasi struktur kata

Perkataan kompleks mengandungi kata akar dan 1 atau lebih imbuhan

a. Kata akar merupakan komponen utama bagi makna perkataan dan terdiri daripada kategori leksikal-N, KK, KADJ dan KP

Kata akar + imb=kata dasar
Kata akar=makan=kata dasar
Makan+an=makanan----kata dasar
Pe+makan+ an-----pemakanan---kata dasar=perkataan
*pe+makan+an+i----kata dasar

kata akar= system
kata dasar= system+ atic
kata dasar= un+system+atic
kata dasar= un+ system+ atic+ al
perkataan= un+ system +atic + al+ly

b. Imbuhan – bukan kategori leksikal dan sentiasa morfem terikat

Proses-proses morfologi

- iaitu proses memodifikasikan struktur kata sama ada menambah beberapa unsur kepada kata atau melalui perubahan dalaman.
- bertujuan untuk mengungkapkan makna baru atau menandakan pertentangan gramtikal seperti kala lampau Vs bukan kala lampau atau KN Vs KK dll.

Ada 6

1. Pengimbuhan

-penambahan imbuhan-proses yang dikenali sebagai pengimbuhan

- Dalam BM ada 4 jenis pengimbuhan

2. Perubahan dalaman

-Proses penggantian satu segmen bukan morfem kepada segmen yang lain.

-Ch:Perubahan dalaman dalam BI

Sing (present)	sang (past)
Drive (present)	drove (past)
Foot (singular)	feet (plural)
Goose (singular)	geese (plural)

3.Suplesi (suppletion)

-proses morfologi yang mana morfem akar diganti oleh bentuk fonologi yang tidak berkaitan dengan tujuan untuk menunjukkan pertentangan gramatikal.

-Ch BI- kala lampau bagi kata kerja *to go* ialah *went*.

Be- was and were

4.Tekanan dan nada

Kadang kala kata dasar boleh mengalami perubahan dalam akibat tekanan atau nada. Perubahan ini mengakibatkan perubahan kategori.

-tekanan dalam BI

KK	KN
implant	implant
impo⇔rt	∀⇔mport
Subje⇔ct	su⇔bject

5. Penggandaan

-iaitu proses menggandakan kata dasar

-BM ada 3 jenis penggandaan

a. Penggandaan penuh
b. Penggandaan separa
c. Penggandaan berentak

6. Pemajmukan

- kombinasi kategori leksikal untuk membentuk perkataan yang lebih besar dan membawa makna tertentu

- Ch: BM

a. KM terdiri daripada rangkaian kata bebas
b. Berbentuk istilah khusus
c. Bermaksud kiasan iaitu simpulan bahasa

Sintaksis- analisis struktur ayat

-Mengetahui bahasa termasuklah kebolehan membina frasa dan ayat.
- Bahagian tatabahasa yang menggambarkan pengetahuan penutur bagi struktur dan pembentukan ayat dipanggil sebagai sintaksis.
-kuliah ini akan melihat sistem rumus dan kategori yang mendasari pembentukan ayat dlm bhs manusia.
-sebagaimana dgn pengetahuan fonologi dan morfologi, komponen sintaksis bagi tatabhasa adalah juga kreatif dan bersistematik.

a. *Rumah mengecat ayah itu.
b. Ayah mengecat rumah itu.

1. Gramatis atau tidak gramatis?

-Makna ayat bergantung kepada aturan perkataan dalam ayat

Ahmad memarahi Ali
Ali memarahi Ahmad

- Walau bagaimanapun, ada kalanya perubahan aturan kata tidak mengubah makna ayat

Ahmad memberi buku kepada Ali.
Ahmad memberi kepada Ali buku.

Dalam bahasa Melayu dan juga setiap bahasa, setiap ayat adalah deretan perkataan tetapi tidak semua deretan kata itu merupakan ayat.

1. Adik mengejar kucing itu.
2. * Mengejar kucing itu adik.

Deretan perkataan yang mematuhi rumus ayat dikatakan sebagai bentuk yang gramatis dan deretan perkataan yang melanggar rumus sintaktik/ayat dianggap sebagi bentuk yang tidak gramatis.

-Kuliah ini akan memberi fokus 'seni binaan' ayat yang gramatis dgn menekankan bgm perkataan digabungkan utk membentuk berbagai jenis ayat.

2. Kategori dan struktur

Perkataan dalam semua bahasa boleh dikelompokkan dalam kelas-kelas tertentu- kategori sintaksis.

2.1 kategori peringkat perkataan

kategori leksikal	Contoh
KN	sekolah, Ahmad
KK	sampai, membincangkan

KA	pandai, cantik, tua
KP	ke, di, dari
Adverba	dgn perlahan, sekarang

Kategori bukan leksikal	Contoh
Kata tunjuk	itu, ini, sana
Kata bantu	akan, boleh, sedang
Kata hubung	dan, atau, tetapi

-Ada kata yang boleh dimasukkan ke dalam lebih dariada satu kategori

daki (KN)- Bajunya penuh daki. (objek)
Daki (KK)- Remaja itu akan daki gunung itu. (perlakuan)

Bagaimana menentukan kategori kata?

a. Makna
KN-merupakan entiti nama individu, objek.
KK-menunjukkan perlakuan, rasa dan keadaan
-Makna yang dikaitkan dgn namaan dan kerjaan boleh diperluaskan dgn berbg cara. Sebagai contoh fungsi tipikal bagi kata adjektif adalah menunjukkan ciri atau sifat sesuatu entiti yang dilambangkan oleh kata nama. Dgn demikian

apabila kita mengatakan *bangunan itu tinggi*, kita menggambarkan ciri ‘tinggi’ itu yang ditunjukkan oleh kata nama bangunan.
-adverba- menggambarkan ciri dan sifat bagi lakuan, rasa dan keadaan yang ditunjukkan olek kk.

b. Infleksi

Kategori	imbuhan infleksi	Contoh
KN	plural-s	books, chairs *braverys
KK	past tense-ed	played, watched
KA	comparative-er	taller, faster *intelligenter
	Superlative-est	tallest, fastest *beautifulest

c. Penyebaran
Melibatkan jenis unsur (biasanya kategori fungsional) yang hadir bersama dengan kategori kata.

Kategori	ciri penyebaran	contoh
KN	hadir dengan kata tunjuk	kereta itu
KK	hadir dengan kbantu	sudah makan
KA	hadir dengan kata tingkat	sangat kaya

*KK dgn kata tunjuk
tidur itu
* KN dgn Kbantu
sedang bola

2.2 Struktur frasa

Ayat tidak terbentuk seperti menyusun manik menjadi rantai. Ayat mempunyai bentuk hirarki iaitu perkataan dikelompokkan bersama menjadi unit yg lebih besar. Bahagian ini akan memfokus kepada sifat unit sintaksis yang membina Namaan, kerjaan, adjektif dan preposisi. Unit-unit ini dipanggil sebagai *frasa*.

Kepala

Frasa dibina dgn apa yang dinamakan sebagai ‘skeleton’ yang mengandungi dua tahap sbgm digambarkan di bawah (F- frasa)

FN	FK	FA	FP ←	tahap frasa
|	|	|	|	
KN	KK	KA	KP ←	tahap p’kataan (kepala)

Organisasi bgi struktur frasa

- ada frasa dibina/diisi dengan hy satu kepala

FN	FK
|	|
KN	KK
|	\
(Dia membaca) buku	(semua haiwan) makan

-walaupun boleh mengandungi hy 1 p'kataan, namun frasa biasanya mengandungi unsur-unsur yg lain. Sbg contoh:

a. [tiga buah buku]
b. [belum tidur]
c. [paling cantik]

Sebagai tambahan kpd kepla (yg bergaris), setiap frasa mengandungi perkataan kedua yg mempunyai peranan sintaksis dan semantik yg khusus. Perkataan2 spt kata bilangan, kata tunjuk, kata penguat dikatakan sebagai berfungsi sebagai *specifier*.

Specifier

Secara semantik, specifier memberikan makna yg lebih tepat kpd kepala. Contohnya kata bil menunjukkan penutur memperkatakan sesuatu yg khusus tentg buku (jumlah > drp 1)

- secara sintaksis pula- specifier menandakan sempadan frasa
- dlm BM dan BI- biasanya specifier hadir sebalah kiri kepala
- specifier diletakn pada level atas struktur frasa. Bersama dgn kepala, specifier + kepala membentuk struktur frasa dlm rajah pohon



-kategori sintaksis bagi specifier berbeza bergantung kepada kategori kepala

Kompleman

Sekarang kita lihat frasa yg lebih kompleks.

a. [$_{FN}$ tiga buah <u>buku</u> cerita hantu]
b. [$_{FK}$ belum <u>makan</u> nasi]
c. [$_{FA}$ paling <u>cantik</u> dalam kelas]

Sebagai tambahan kepada specifier dan kepala, frasa di atas juga mengandungi komplemen. Unsur2 ini yg juga merupakan frasanya snd menyediakan maklumat ttg entiti dan lokasi yg mana kewujudanya dibayangkan oleh makna kepala. Sebagai contoh, makna makan membayangkan objek yang dimakan, makna buku membayangkan jenis buku apa dsbnya.

1. Pemuda itu makan [nasi]

↑ kpla ↑ komplemen menamakan benda yg dimakan

2. di [rumah]

↑ ↑

kepala komplemen menamakan lokasi

Komplemen diletakkan di sebelah kanan kepala dlm BM

-rajah di bawah menunjukkan struktur frasa yg mengandungi specifier, kepala dan komplemen.



<u>FK mengandungi kepala, specifier dan komplemen</u>

-FN yg menjadi komplemen kepada KK dipanggil sebagai objek langsung.

Rumus

Bgm ttbhs memastikan specifier, kepala dan komplemen mengisi posisi yg sesuai dlm struktur frasa?

-pengaturan unsur2 (Spec, kepla, komp) yang membina frasa ditetapkan oleh 1 rumus yag dikenali sebagai *rumus struktur frasa*.

FN → (kbil) KN (FP) …
FK → (Kbantu) KK (FN)…
FA → (kpenguat) KA (FP)…

→ Menunjukkan mengandungi atau b'cbg kpd
… menunjukkan komplemen lain juga boleh didpti
( ) menunjukkan spec dan komp adalah berkecuali

a. Frasa m'gandungi spec, kepala dan komp

b. kepala + komp



c.spec + kepla



d. kepala shj



Mengenaralisasikan rumus

1. spec- diletakkan pada level paling atas kiri kepala
2. komp- diletakkan pada level kanan kepala



Drp mempunyai 4 rumus tadi, kita boleh memformulasikan satu rumus umum.

FX $\longrightarrow$ (spec) X (Komp)

Sintaksis (Sambungan)

Ayat

Unit paling besar bagi analisis sintaksis ialah ayat (A). Tradisinya ayat dianggap sebagai hasil bagi rumus berikut: Iaitu menggabungkan FN (subjek) dengan FK utk mendapatkan struktur seperti rajah 1:
Rumus A:

A ⟶ FN FK



Struktur A (pandangan Tradisional)

Analisis ini mengandaikan A adalah istimewa kerana tidak seperti frasa, ia tidak mempunyai struktur dalaman (iaitu kepala, komplemen dan specifier). Walau bgmpun, ahli bahasa percaya bahawa A juga sama dengan frasa yang lain dan mempunyai struktur sebagaimana yang digambarkan dalam rajah 2:



Struktur A (Pandangan terkini)

Berdasar pandangan ini, ayat mempunyai kepala yang ditunjukkan oleh kategori abstrak 'Infl' (kependekan bagi infleksi) yang menunjukkan kala (tense) ayat. Oleh sebab infl adalah wajib, sebagaimana kepala yang lain maka secara langsung menjelaskan bahawa semua ayat (sbg) contoh BI mempunyai kala (tense). Struktur ayat ini diikuti dengan Infl mengambil kategori FK sebagai komplemennya dan FN (subjek) sebagai specifier.

Kelebihan analisis begini ialah ia memberikan ayat struktur dalaman yang sama dengan frasa-frasa lain dan menjadikan ianya konsisten dengan rumus XP yang dijelaskan sebelum ini iaitu :

XP/FX $\longrightarrow$ (specifier) X (kompleman)



-Setakat ini kita telah membincangkan bgm frasa mengandungi specifier, kepala dan komplemen. Kenyataanya, bahasa manusia mengandungi berbagai jenis pola yang lain. Sebagai contoh, ada frasa yang dipanggil **struktur koordinat-**iaitu dibentuk dengan menggabungkan dua (atau lebih) unsur dari jenis yang sama dengan bantuan kata hubung seperti *dan* atau *atau*.

1. koordinasi FN
[seorang lelaki] dan /atau [seorang perempuan]
2. Koordinasi FK
[pergi ke sekolah] dan/atau [membaca buku]
3.Koordinasi FP
3. Koordinasi FA
4. Koordinasi Ayat.

Koordinasi menunjukkan 4 ciri penting.

a.Tidak ada had jumlah kategori yang boleh hadir sebelum kata hubung. Oleh itu ttbahasa boleh membentuk struktur berikut di mana subjek FN mengandungi 4 FN sebelum kata hubung.

[Seorang lelaki, seorang budak, seekor kucing, seekor kambing] dan seekor arnab berkejar-kejaran di padang.

b. Kategori sebarang level (kepala atau keseluruhan FX/XP) boleh dikoordinasikan.
Koordinasi KN
Koordinasi KP
Koordinasi KK

c. Katagori koordinasi mesti sama jenis
*Ahmad membaca [FN buku cerita] dan [di perpustakaan]
*Dia mengecat [FN rumah itu] dan [FA sangat marah].

d. Jenis kategori bagi frasa koordinat adalah sama dengan jenis kategori bagi unsur yang digabungkan. Oleh itu jika FK dikoordinasikan, struktur koordinat adalah FK, jika FN dikoordinasikan, struktur koordinat adalah FN dan sebagainya.



<u>Ujian-ujian bagi struktur frasa</u>

Berdasarkan analisis sintaksis yang telah ditunjukkan, perkataan yang membina ayat membentuk unit struktural yang dikenali sebagai frasa. Persoalannya bgm ahli bahasa menggunakan pendekatan sintaksis untuk menentukan perkataan mana yang harus dikelompokkan menjadi frasa ? Kewujudan unit-unit sintaksis atau konstituen yang membina struktur pohon ini boleh dikenal pasti dengan ujian-ujian yang khusus.

Ujian penggantian- bukti bahawa FN merupakan unit sintaksis datang drp fakta yang ianya boleh diganti dengan unsur lain seperti *mereka, it, do so*. Contoh a. *Berbuat demikian* ganti memakai *baju kemeja*.

a. [FN Pelajar-pelajar itu] memberontak setelah *mereka* mengetahui berita sebenar.
(mereka= pelajar-pelajar itu)
b. Pelajar-pelajar itu akan [FK memakai baju kemeja] jika para pensyarah akan *berbuat demikian*.
c. Mereka berhenti [FP di depan pasar raya] dan kami berhenti *di situ* juga.

Ujian pergerakan- petunjuk kedua bagi *di depan pasar raya* membentuk kontituen ialah ia boleh digerakkan sebagai unit tunggal kepada posisi yang berbeza di dalam ayat. (ini dipanggil ujian pergerakkan). Sebagai contoh di depan pasar raya boleh digerakkan daripada posisi selepas kata kerja kepada posisi awal ayat.

d.Mereka berhenti [FP di depan pasar raya] ⟶ [FP di depan pasar raya], mereka berhenti.

Ujian koordinasi- akhir sekali sekelompok ayat membentuk konstituen jika ia boleh digabungkan dengan sekelompok perkataan yang lain melalui kata hubung seperti *dan*, *atau* atau *tetapi*. Ia dilabel sebagai ujian koordinasi kerana pola yang dibina melalui kata hubung dipanggil sebagai struktur koordinasi. Oleh itu kita tahu bahawa *selalu membaca novel* dalam (d) adalah konstituen kerana ia boleh digabungkan dengan unit lain seperti dan dan tetapi.
(e) Pelajar-pelajar IPTA [FK selalu membaca novel] tetapi [FK jarang membaca buku ilmiah)

Pilihan komplemen

Maklumat tentang komplemen yang dibenarkan oleh kata tertentu termasuk dalam entri leksikon penutur. Oleh itu leksikon bagi BM untuk entri pergi menunjukkan
1.Kategori sintaktiknya
2. Representasi fonologinya
3. Maknanya
4. mengambil komplemen FP

pergi: Kategori: KK

Rep. Fonologi: /pərgi/
Makna: berjalan dll menuju ke suatu tempat.
Komplemen: FP

Istilah *Subkategorisasi* digunakan untuk merujuk pilihan komplemen sesuatu kata

-Subkategorisasi menjelaskan tentang ketidakgramatisan sesuatu ayat

Budak itu menjumpai bola itu.
*Budak itu menjumpai dengan cepat.
*Budak itu menjumpai di dalam rumah.
Budak itu menjumpai bola itu di dalam rumah.

1.Beberapa contoh komplemen kata kerja

Pilihan komp	contoh kepala	contoh
Ø	sampai, mati	Keretapi itu telah sampai___.
FN	potong	Emak memotong [daging itu].
FA	menjadi	Lelaki itu menjadi [sangat marah].
FP	pergi, masuk	Emak pergi [ke kedai].
FN FN	beri	Emak memberi adik duit.
FN FP	beli, letak	Emak membeli buku untuk adik.

2. Kata kerja yang membenarkan komplemen Fkomp

Komplemen	contoh kepala	Contoh
Fkomp	percaya, mengetahui	Mereka percaya [bahawa Ali sakit.]
FN Fkomp	pujuk, beritahu	Mereka memberitahu [Alif] [bahawa Ali Sakit.]

Pengetahuan tentang subkategorisasi dalam leksikon boleh ditunjukkan sebagai berikut:

Fragmen/pecahan leksikon	komen
beri,kk, ___FN, FP	beri adalah KK yang mesti diikuti oleh kedua-dua FN dan FP dlm FK.
tidur, KK,____	tidur adalah KK dan tidak boleh diikuti oleh sebarang kategori lain dlm FK
jumpa, KK,___FN	jumpa adalah KK dan mesti diikuti oleh FN dlm FK

Pembentukan kata

Penutur bahasa Melayu dan juga bahasa-bahasa lain berkebolehan membentuk dan menginterpretasikan ujaran yang tidak terhad jumlahnya.

Bahagian penting bagi kebolehan ini adalah melibatkan pembentukan dan penginterpretasian perkataan termasuklah membentuk perkataan-perkataan yang belum pernah ditemui sebelum ini.

Terdapat beberapa cara pembentukan kata iaitu:

1. Bentuk penerbitan

Iaitu bentuk yang mana makna dan kategori berbeza daripada bentuk dasar melalui penambahan imbuhan.

-bentuk dasar ⟶ bentuk kata yang belum dan berpotensi menerima sebarang imbuhan atau perubahan tatabahasa
-Kata terbitan--- bentuk kata yang mengandungi kata dasar yang mendapat atau menerima imbuhan.
Ch: imbuhan peN-

Kata kerja dasar	menerbitkan kata nama
Jual	Penjual
Tulis	penulis

Ajar pengajar
Nyanyi penyanyi

-apabila kata ini terbentuk, perkataan terbitan itu menjadi leksikal yang bebas yang mempunyai entri leksikalnya sendiri dalam kamus mental penutur.

-Imbuhan → morfem terikat
- kata dasar → morfem bebas yang dapat menerima imbuhan

- Imbuhan bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada 4 jenis:

a. Awalan
b. Akhiran
c. Apitan
d. Sisipan

a. awalan
i. awalan kata nama
Ch: pe-, pem-, pen-, ke-, juru

ii. awalan kata kerja
Ch:me-, mem-, menge-, ber-, bel-, ter-, di-, diper-

iii. awalan kata adjektif
Ch: ter-, se

b. Akhiran

i. akhiran kata nama

ch: -an, -man, -in

ii. akhiran kata kerja

Ch: -kan, -I

c. Apitan

i. apitan kata nama

ch: pe…-an, ke…-an

ii. apitan kata kerja

ch: me…-kan, men…-kan, ber…-an

iii. apitan kata adjektif

ch: ke…-an

d. Sisipan

i. sisipan kata nama

ch: -el-, -er-

ii. sisipan adjektif

ch:-el-, -er-, -em-, -in-

2. Pemajmukan

Cara kedua membentuk perkataan melibatkan pemajmukan.

- Iaitu kombinasi bagi kategori leksikal (KN,KA,KK,KP).
- Hasil pemajmukan biasanya KN, KK, KA

-Kata majmuk Vs bukan kata majmuk

kata majmuk		bukan kata majmuk
guru besar	‘jawatan’	guru besar ‘ guru yang berbadan besar’
papan hitam	‘papan menulis’	papan hitam ‘ papan berwarna hitam’

B.Inggeris

1.tekanan

gree nhou se ‘an indoor garden’

gree nhou se ‘ a house painted green’

2. Kala

Kala diberikan pada keseluruhan kata majmuk.

- *The player [dropped kick] the ball through the goalposts.

- The player[drop kick]ed the ball through the goalposts.

3. Penandaan jamak

Penandaan jamak pada keseluruhan kata majmuk

- *The [roads map] are expensive.
- The [road maps] are expensive.

Jenis-jenis kata majmuk

1. endosentrik

Makna bagi kata majmuk mengandungi sebahagian makna yang dipunyai oleh perkataan-perkataan yang membentuk kata majmuk itu.

Kata majmuk	Makna
-alat tulis	'alat untuk menulis'
-jam tangan	'alat yang dipakai di tangan'
-campur aduk	'mencampurkan berbagai jenis'

b. Eksosentrik

Makna kata majmuk tidak mengikuti makna perkataan-perkataan yang membentuk kata majmuk itu.

Kata majmuk	makna
Guru besar	' jawatan'

Duit kopi ‘simpulan bahasa’

3. Penukaran (conversion)
-merupakan proses menandakan satu perkataan yang telah ada kepada kategori sintaksis yang baru.
-sama dengan penerbitan kerana melibatkan perubahan kategori
-berbeza dengan penerbitan kerana tidak melibatkan pengimbuhan- ‘penerbitan kosong’

- KK drp KN	KN drp KK	KK drp KA
button(the shirt)	(a new) su rvey	dirty (a shirt)
ship (the package)	(a brief) report	dry (the clothes)

4.Pemendekan kata
a. Klip (clipping)
proses memendekkan perkataan dengan menghilangkan satu atau lebih suku kata.
Ch: hamburger → burger
professor → prof
doctor → doc
zoo → zoological garden

b. Paduan (blend)
Serupa dengan kata majmuk tetapi sebahagian daripada perkataan yang digabungkan dihilangkan dan oleh itu ‘berkurangan’ daripada kata majmuk.

Ch: telethon → telephone and marathon
brunch → breakfast and lunch
petronas → petroleum nasional
finas → filem nasional

c. Kontraksi (back formation)
Proses yang membentuk perkataan baru melalui memindahkan imbuhan daripada perkataan lain dalam bahasa itu.
Ch: resurrection → resurrect
housekeeper → housekeep
donation → donate
editor → edit

d. Inisialisme
Merupakan bentuk yang diambil daripada huruf awal perkataan-perkataan.
UKM – Universiti Kebangsaan Malaysia
ASN – Amanah Saham Malaysia

e. Akronim
Bentuk gabungan kependekan dari sekurang-kurangnya 3 perkataan dan boleh disebut sebagai perkataan yang wajar. Akronim boleh ditulis sama ada dalam huruf besar atau huruf kecil.

ADUN – Ahli Dewan Undangan Negeri
Tadika- Taman didikan kanak-kanak

Kugiran – kumpulan gitar rancak

f. Singkatan
Salah satu proses pemendekan. Singkatan terbentuk hasil daripada penghilangan beberapa huruf daripada satu perkataan.
Hlm - halaman
Hj - haji
Sjn - sarjan

5. Onomatopia
Semua bahasa mempunyai perkataan yang mana bunyi menggambarkan aspek benda yang dinamainya.

Analisis morfologi: Pengenalpastian morfem

1. Dapatkan berbagai perkataan dalam bahasa itu

Adjektif	makna
Ugly	'very unattractive'
Uglier	'more ugly'
Ugliest	'most ugly'
Pretty	'nice looking'
Prettier	'more nice looking'
Prettiest	'most nice looking'
Tall	'large in height'

Taller ‘more tall’
Tallest ‘most tall’

2. kenal pasti bentuk yang mempunyai makna yang sama dalam perkataan yang berbeza-lihat pada bentuk yang berulang-ulang

ugly → ugly, uglier, uglier (unattractive)
er → prettier, taller, uglier (more)
est → prettiest, tallest, ugliest (most)

Morfem → ugly, pretty, tall (morfem akar)
er (morfem terikat- ‘comparative’)
est (morfem terikat – ‘superlative’)

<u>Bahasa X</u>

Me	‘I’	meni	‘we’
Ye	‘you (singular)’	yeni	‘you (plural)
We	‘he’	weni	‘they (masculine)’
Wa	‘she’	wani	‘they (feminine)’
Abuma	‘girl’	abumani	‘girls’
Adusa	‘boy’	adusani	‘boys’
Abu	‘child’	abuni	‘children’
Paku	‘one paku’	pakuni	‘more than one paku’

BAB 11

KOSA ILMU

2.1 PENGENALAN

Bab ini merupakan kupasan kajian lepas tentang aspek-aspek preposisi yang pernah dikaji oleh sarjana tempatan dan sarjana luar negeri. Bab ini akan mengulas kajian yang dilakukan dan memperlihatkan perkaitan di antara kajian lepas dan kajian yang akan dijalankan.

2.2 KAJIAN PREPOSISI TEMPATAN

Perbincangan ke atas kata dan frasa preposisi yang telah dilakukan di kalangan sarjana tempatan boleh dikelompokkan kepada tiga kumpulan. Kumpulan pertama ialah penahu yang membincangkan preposisi daripada aspek bentuk dan penggunaan preposisi dalam bahasa Melayu yang dijadikan buku nahu rujukan. Penahu yang boleh dimasukkan ke dalam kelompok ini antaranya ialah Za'ba (2000), Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim et al. (1996).

Kumpulan kedua pula membicarakan kata preposisi dari sudut teoritis seperti Ramli Md. Salleh (1995,1997) dan Norizan Rajak (2002).[9] Kumpulan ketiga yang membincangkan preposisi ialah daripada sudut aplikasi data preposisi bahasa Melayu

[9] Pengkaji tidak menafikan bahawa penahu-penahu lain turut menggunakan sesuatu teori atau pendekatan tertentu dalam perbincangan mereka tentang preposisi misalnya, Asmah Hj. Omar menggunakan pendekatan nahu sistem dan Nik Safiah Karim et al. menggunakan pendekatan eklektik. Namun yang dimaksudkan pengkaji dalam bahagian ini adalah pengaplikasian teori atau pendekatan tertentu dalam menanggani atau menyelesaikan sesuatu isu atau masalah tentang preposisi.

dalam bidang terjemahan dan perbandingan komparatif. Kumpulan ketiga juga memperlihatkan penggunaan data korpus sebagai bahan analisis kajian mereka. Antara kajian tersebut adalah Zahrah Ghafur (1986), Imran Ho (1997,2004) dan Wanphen Siriraksasak (1998).

2.2.1 Kajian Preposisi : Preskriptif Bentuk dan Penggunaan

Za'ba (2000) dan Nik Safiah Karim et al. (1996) memberikan label sendi nama kepada kumpulan kata yang berfungsi sebagai preposisi manakala Asmah Hj. Omar (1993), Arbak Othman (1981), Liaw Yock Fang & Abdullah Hassan (1994) adalah antara penahu yang memberikan label kata depan. Perbezaan label iaitu kata sendi nama atau kata depan terletak pada definisi yang diberikan kepada preposisi oleh penahu-penahu ini. Za'ba (2000 : 183) memberikan label sendi nama oleh sebab beliau menyatakan "sendi nama itu ialah yang khas dipakai dengan nama atau ganti nama sahaja bagi menunjukkan persangkutan nama atau ganti nama itu dengan sesuatu perkataan lain di dalam ayat." Dengan demikian, dalam frasa berikut : *di* Kuala Lumpur. *Di* merupakan sendi nama yang mempunyai hubungan langsung dengan kata nama selepasnya iaitu *Kuala Lumpur*.

Label kata depan pula diberikan oleh sebahagian penahu lain berasaskan kepada fungsinya yang tidak boleh berdiri sendiri tanpa bantuan kata lain. Di samping itu biasanya posisi kehadirannya dengan kata lain adalah di posisi depan misalnya, Asmah Hj. Omar menyatakan "kata depan berfungsi sebagai unsur pertamanya dan unsur berikutnya boleh terdiri dari kata sempurna".

Perbincangan dan penelitian tempatan tentang preposisi oleh kumpulan penahu ini memperlihatkan satu persamaan iaitu memfokuskan kepada bentuk penggunaan preposisi bahasa Melayu. Preposisi dilihat sebagai bentuk kata yang tidak boleh berdiri sendiri dan maknanya menjadi sempurna apabila menerima perkataan lain iaitu kata nama. Definisi preposisi yang diberikan oleh penahu-penahu ini dengan jelas menunjukkan preposisi mempunyai hubungan erat dengan kata nama yang hadir bersamanya.

Biarpun apa sahaja label yang diberikan kepada kumpulan kata seperti *di, ke, dari, kepada* dan sebagainya, namun penahu berpandangan bahawa kata preposisi merupakan kata yang perlu digabungkan dengan kata lain untuk memberikan makna yang sempurna. Walau bagaimanapun, sebagaimana unsur kata lain, preposisi juga mempunyai maknanya yang tersendiri. Preposisi sebagaimana yang dibincangkan oleh penahu-penahu tempatan jelas mempunyai makna tertentu. Ini jelas sebagaimana dinyatakan oleh Gawron (1986: 329) iaitu "*prepositions, even tiny ones are meaningful*". Sehubungan dengan itu makna dan penggunaan seperti yang lazim diberikan oleh penahu tempatan adalah seperti berikut:

(1)

(a) Makna tempat dan arah seperti *di, ke, dari, , dekat, dalam*

(b) Makna tujuan atau maksud seperti *akan, bagi, untuk*

(c) Makna persertaan atau bersama-sama seperti *dengan*

(d) Makna alat, sebab atau maksud seperti *dengan*

(e) Makna-makna waktu seperti *hingga, sampai, dari*

(f) Makna keserupaan atau bandingan seperti *bagai*

(g) Makna manfaat seperti *kepada*

Perbincangan makna preposisi yang dibincangkan oleh penahu jelas mempunyai persamaan namun yang membezakannya adalah cara huraian itu disampaikan misalnya, perbincangan Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan (1994) kelihatan agak bebas mungkin disebabkan mereka berpegang kepada huraian deskriptif iaitu menghuraikan apa sahaja gejala bahasa yang wujud dalam bahasa Melayu, yang pada akhirnya tidak menampakkan satu peraturan yang seragam dan jitu dalam penghuraian tatabahasa Melayu. Penghuraian mereka yang bersifat agak bebas ini tergambar dalam pernyataan berikut; "… pemilihan antara *dari* dengan *daripada* lebih banyak tergantung kepada *selera bahasa* (italik oleh pengkaji) seseorang penulis daripada perbezaan maknanya" (1994:96).

Penghuraian Nik Safiah Karim et al. pula berasaskan kepada gabungan huraian deskriptif dan preskriptif (1996:xxi). Dengan demikian penghuraian tatabahasa oleh Nik Safiah Karim et al. kelihatan agak terkawal dan seragam. Sebagaimana dinyatakan oleh Nik Safiah Karim et al. (1996:214), "…tiap-tiap satu (kata sendi nama) mempunyai tugas serta fungsi yang berlainan dan penggunaannya ditentukan oleh peraturan-peraturan yang khusus…"

Dalam perbincangan penahu tempatan tentang fungsi frasa preposisi penahu-penahu bahasa Melayu seolah bersetuju dan bersependapat bahawa fungsi frasa preposisi adalah tidak luas dan hanya dibataskan sebagai keterangan (adverba) dalam ayat sahaja. Asmah Hj. Omar (1993 :185) misalnya menjelaskan "Frasa preposisi ini berfungsi dalam ayat sebagai adverba". Nik Safiah Karim et al. (1996) pula menjelaskan bahawa selain frasa sendi nama boleh hadir sebagai predikat ayat, frasa sendi nama juga merupakan unsur keterangan dalam ayat-ayat yang lain. Frasa preposisi ini boleh wujud sebagai keterangan kepada frasa kerja, frasa adjektif dan frasa nama.

Perbincangan tentang kata preposisi di dalam bentuk buku tatabahasa lebih menjurus kepada perbincangan bentuk preposisi yang dilihat sebagai unsur yang berhubungan dengan kata nama yang mengikutinya. Pembentukan hubungan kata preposisi + Frasa nama menyempurnakan makna preposisi tersebut misalnya *di+ Kuala Lumpur* merujuk kepada tempat, *ke+ padang* merujuk kepada arah tempat dan sebagainya. Walau bagaimanapun huraian yang diberikan oleh penahu-penahu ini bersifat sistematik yang sesuai dengan tujuan mereka untuk menghasilkan satu huraian tentang bahasa Melayu sebagai bahan rujukan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu.

2.2.2 Kajian Preposisi: Penggunaan Data Korpus

Kajian yang berasaskan korpus bermaksud kumpulan cebisan bahasa (atau teks lengkap) yang dipilih dan disusun mengikut kriteria linguistik yang eksplisit untuk digunakan sebagai sampel bahasa (Rusli Ghani 2004). Zahrah Ghafur (1986), Wanphen

Siriraksasak (1998) dan Imran Ho (1999) merupakan antara sarjana yang telah meneliti preposisi dengan menggunakan data korpus. Zahrah Ghafur (1986) menggunakan korpus iaitu teks kimia untuk menjelaskan masalah menterjemah kata preposisi daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu melalui terjemahan berbantukan komputer. Sementara Wanphen Siriraksasak (1998) dan Imran Ho (1999) pula menggunakan data korpus untuk membandingkan preposisi yang ada pada dua bahasa iaitu Wanphen Siriraksasak melihat perbandingan preposisi Bahasa Melayu dan bahasa Thai manakala Imran Ho pula melihat perbandingan preposisi bagi variasi bahasa Inggeris yang dituturkan di Malaysia dengan variasi bahasa Inggeris yang dituturkan di New Zealand dan Britain.

Secara keseluruhan ketiga-tiga pengkaji tidak meneliti preposisi bahasa Melayu secara khusus. Walaupun Wanphen Siriraksasak melihat preposisi bahasa Melayu tetapi penelitian beliau lebih membandingkan antara preposisi yang ada dalam bahasa Thai dan terjemahannya dengan preposisi bahasa Melayu. Beliau telah menghurai dan membincangkan persamaan dan perbezaan antara kata preposisi bahasa Melayu dengan kata preposisi bahasa Thai melalui penterjemahan.

Penelitian Zahrah Ghafur (1986) hanya dibataskan kepada kata preposisi bahasa Inggeris yang menimbulkan masalah atau kekaburan dalam terjemahan. Sebagai contoh kata preposisi *at* yang boleh diberi pelbagai padanan terjemahan ke dalam bahasa Melayu:

(2)

At	Contoh
Pada	They will be here *at* 4.00 pm.
Kepada	They threw stones *at* the dog.
Di	I was *at* the store when it rained.
Secara	They picked the samples *at* random.
Semasa	He managed to sell his goods *at* the auction.

Untuk menyelesaikan masalah penterjemahan kata preposisi, Zahrah Ghafur (1986) telah menggunakan kaedah penanda dan hubungan semantik (RS) yang terdapat

pada satu rangkaian kata di tempat kata preposisi itu berfungsi. Apa yang dimaksudkan dengan hubungan semantik adalah hubungan yang ditandakan kepada nodus yang berhubungan dengan unsur yang menguasai sebagaimana dalam kes adverba (*circumstantials*) dalam klausa dan beberapa komplemen dalam frasa nama (Zahrah Ghafur 1986: 30). Antara nilai-nilai hubungan semantik yang digunakan dalam kajian ini adalah lokasi, kuantiti, topik dan masa. Sebagai contoh dalam ayat berikut:

(3) The father gives a watch to his daughter on her birthday.

Dalam ayat (3), pada tahap sintaksis, *the father* merupakan subjek, *a watch* dan *his* daughter merupakan objek 1 dan objek 2 manakala *on her birthday* merupakan adverba (circumstantial) yang mempunyai nilai hubungan semantik sebagai "MASA".

Kaedah ini bermula dengan menentukan hubungan semantik yang mungkin bagi satu set preposisi bahasa Inggeris dalam frasa nama menggunakan penanda semantik. Kata preposisi akan dihubungkan dengan kata nama oleh penanda semantik seperti berikut:



RAJAH 2.1 Penentuan Hubungan Semantik

Kemudiannya jika terdapat kekaburan pada kata preposisi, maka ia akan dijelaskan oleh penanda semantik kata kerja. Di dalam kajian ini, penanda semantik bagi kata kerja diklasifikasikan kepada tiga iaitu dinamik, statif dan proses. Kata kerja dinamik merupakan kata kerja yang boleh menyebabkan pengalihan ruang bagi objek dalam struktur transitif atau dalam struktur intransitif subjeknya. Biasanya kata kerja ini mempunyai kecenderungan arah. Sebagai contoh:

(4) Dia membaling batu kepada saya.

(5) Mereka berjalan ke sekolah.

‘Batu’ (objek) dan ‘mereka’ (subjek) akan dialih ke lokasi berbeza selepas lakuan ‘baling’ (transitif) dan berjalan (intrasitif).

Kata kerja statif pula adalah kata kerja bagi persepsi tidak bergerak dan kognisi seperti berikut:

(6) Peribadinya menarik hati saya

Kata kerja proses pula menggambarkan transisi bagi keadaan seperti ayat (7).

(7) Air itu mendidih.

Dengan kata lain, kekaburan akan diselesaikan melalui pemeriksaan penanda semantik oleh pengawalan kata kerja ayat itu.

Hubungan semantik$_1$



Hubungan semantik$_2$

Hubungan semantikι

ι= 1 atau 2

RAJAH 2.2 Penyelesaian Kesamaran Hubungan Semantik

Sebagai contoh *on* dalam struktur ayat *on the table* boleh diterjemahkan sebagai ‘di atas’ atau ‘ke atas’ bergantung kepada kata kerja yang mengawal klausa kerjaan (*verbal clause*) di mana frasa nama itu dihubungkan. Jika pengawalan kata kerja itu adalah ‘arah’ maka *on* harus diterjemahkan sebagai ‘ke atas’, jika tidak ia harus diterjemahkan sebagai ‘di atas’. Namun begitu beberapa kekaburan dalam kata preposisi seperti *dari* dan *daripada* atau *di* dan *di dalam* dianggap sebagai satu kesukaran untuk membezakannya. Sebagai contoh untuk membezakan *di* dan *di dalam*, Zahrah Ghafur menyatakan “*The ambiguity between ‘di’ and ‘di dalam’ is difficult to disambiguate. A*

person can say 'isteri saya berada di rumah' or 'isteri saya berada di dalam rumah' to mean a slightly different thing" (1986:135).

Pada zahirnya, penterjemahan kata preposisi kelihatan jelas dan mudah namun kajian ini telah memperlihatkan bahawa masalah penterjemahan kata preposisi merupakan sesuatu yang sukar. Sebagaimana yang dinyatakan oleh Tong (1985 dlm. Zahrah Ghafur 1986) iaitu di antara masalah bidang linguistik dalam terjemahan berkomputer daripada bahasa Inggeris kepada bahasa Melayu berkait dengan masalah terjemahan preposisi. Kaedah yang dicadangkan oleh Zahrah Ghafur (1986) untuk menyelesaikan masalah menterjemah kata preposisi adalah dengan menggunakan penanda dan hubungan semantik yang terdapat pada satu rangkaian kata di tempat preposisi itu berfungsi. Ini kerana kaedah ini memperlihatkan hubungan di antara preposisi dengan kata lain iaitu kata/frasa nama dalam ayat. Kaedah ini melihat hubungan preposisi dengan kata kerja hanya apabila berlaku kekaburan pada hubungan semantik yang dijanakan, misalnya dalam ayat (8) berikut:

(8) The boeing 747 flew *over* hills.

Pilihan antara *di atas* dan *ke atas* bagi terjemahan preposisi *over* boleh ditentukan melalui pemeriksaan semantik kata kerja (SEMKK). Jika semantik kata kerjanya bersifat dinamik maka *ke atas* harus dipilih (Zahrah Ghafur 1986:139).

Walaupun hubungan kata kerja dan preposisi agak sedikit disentuh, namun kajian ini telah memperlihatkan kepentingan hubungan antara semantik kata kerja dengan preposisi yang hadir dalam ayat khususnya apabila terdapat beberapa pilihan atau kekaburan pada padanan terjemahan.

Imran Ho (1999) dalam kajiannya telah melakukan penelitian terhadap preposisi variasi Bahasa Inggeris Malaysia yang dibandingkan dengan dua variasi bahasa Inggeris yang lain iaitu Bahasa Inggeris New Zealand dan bahasa Inggeris British. Lebih khusus kajian ini melihat penggunaan tiga kata preposisi asas bahasa Inggeris iaitu *at, in*

dan *on* dalam ketiga-tiga variasi bahasa Inggeris tersebut. Imran Ho juga membandingkan penyebaran bentuk kata (*inter-lexemic level*) dan penyebaran jenis penggunaan (*intra-lexemic level*) berdasarkan tiga korpus iaitu korpus London-Oslo/Bergen Corpus of British English (LOB corpus), korpus penulisan bahasa Inggeris Malaysia dan Wellington Corpus of written New Zealand English (WCWNZE). Untuk menganalisis jenis penggunaan, beliau menggunakan Model Jaringan Kognitif (*Network Cognitive Model*). Selain itu beliau turut menggunakan Chi-square dan Ujian Kruskal-Wallis untuk mendapatkan perbezaan yang signifikan bagi ketiga- tiga korpus dan juga perbandingan antara korpus dengan tumpuan kepada setiap item dan jenis-jenis penggunaannya. Dengan kata lain, pendekatan yang diambil menggabungkan pendekatan kuantitatif dan kualitatif melalui perbandingan kekerapan item-item dan juga melalui pengklasifikasian item-item ini mengikut kriteria semantik.

Kajian Imran Ho (1999) mendapati terdapatnya perbezaan dalam penyebaran berbagai jenis penggunaan bagi ketiga-tiga kata preposisi itu dalam variasi Inggeris Malaysia. Secara khususnya, beberapa jenis penggunaan preposisi seperti *at*- masa, *on*-masa, *at*-kawasan, *on*-kawasan dan *at*-penyebab menyerlahkan perbezaan antara variasi Inggeris Malaysia dengan variasi Inggeris New Zealand dan variasi Inggeris British.

Sungguhpun kajian-kajian di atas tidak menggunakan data preposisi bahasa Melayu secara khusus namun kajian mereka memperincikan jenis-jenis makna yang dibawa oleh preposisi. Apa yang menarik adalah kajian mereka tertumpu kepada kata preposisi dalam data korpus sama ada korpus berkomputer atau teks.

Satu lagi kajian Imran Ho (2004) yang menggunakan data korpus ialah perbincangan tentang preposisi *di antara* dan *antara*. Beliau cuba meninjau semula penggunaan kedua-dua preposisi ini dengan menggunakan data korpus Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dengan tujuan membentuk satu nahu praktis bahasa Melayu. Penelitian ke atas penggunaaan preposisi tersebut dalam data korpus memperlihatkan kedua-dua penggunaan bentuk preposisi itu tidak mempunyai perbezaan yang jelas. Sehubungan dengan itu, beliau telah menggunakan pendekatan linguistik kognitif untuk

menghuraikan perbezaan antara kedua-dua bentuk itu. Beliau menjelaskan pemilihan sesuatu preposisi bergantung kepada pengkonsepsian penutur. Pengkonsepsian penutur yang berbeza menghasilkan pemilihan preposisi yang berbeza.

2.2.3 Kajian Preposisi : Aspek Analisis Linguistik

Kajian-kajian yang bersifat penelitian linguistik adalah penelitian yang menggunakan teori dan pendekatan tertentu sebagai landasan dalam membincangkan aspek preposisi. Hasil kajian sebegini boleh dilihat daripada kajian Ramli Md. Salleh (1995, 1997) yang berasaskan Teori Kuasaan dan Tambatan, Zahrah Ghafur (1986) menggunakan pendekatan penanda semantik, Imran Ho (1997, 2004) menggunakan Teori Semantik Kognitif dan Norizan Rajak (2002) menggunakan Teori Gramatikalisasi.[10]

Perbincangan Ramli Md. Salleh (1995, 1997) lebih menjurus kepada analisis linguistik iaitu sintaksis. Beliau telah membincangkan kata preposisi (KPrep) Bahasa Melayu berasaskan kepada sifat sintaksis menggunakan kerangka teori Kuasaan dan Tambatan (GB). Untuk menerangkan sifat sintaksis kata preposisi, Ramli Md. Salleh telah membincangkan konsep pemindahan kategori bukan frasa iaitu kategori kata berbanding dengan pemindahan kategori frasa seperti FN, FK, FA dan FPrep . Pemindahan kategori kata dianggap sebagai pemindahan lokal iaitu pemindahan satu elemen melampaui hanya satu konstituen yang bersebelahan. Beliau telah membahagikan kata preposisi bahasa Melayu kepada dua kumpulan iaitu kata preposisi transitif dan kata preposisi tak transitif. Kata preposis transitif adalah seperti *di, ke, kepada, dari* sebagaimana dalam frasa *di sekolah, ke Kuala Lumpur, kepada ibu , dari Melaka* dan sebagainya, manakala kata preposisi tak transitif adalah KPrep + adverba tempat seperti *di atas, di bawah, di depan, di belakang* dan juga kata *balik*, sebagaimana dalam contoh frasa berikut; *di atas meja, di bawah rumah, di belakang pokok, Ahmad membayar hutangnya balik*.

---

[10] Walau bagaimanapun untuk bahagian ini, tumpuan akan diberikan kepada perbincangan Ramli Md. Salleh (1995, 1997) dan Norizan Rajak (2002) sahaja.

Fokus perbincangan Ramli Md. Salleh adalah untuk membezakan KPrep *di* dan *ke* bagi kumpulan satu dan *di dan ke + adverba tempat (atas, bawah, depan).* Ramli Md. Salleh menganggap KPrep kumpulan satu sebagai KPrep transitif manakala KPrep kumpulan dua sebagai KPrep tak transitif. Perbezaan antara kedua-dua kumpulan ini berasaskan kepada keupayaan menggugurkan objek dalam FPrep iaitu objek bagi KPrep transitif tidak boleh digugurkan manakala objek dalam KPrep tak transitif boleh ditiadakan. Konsep ketransitifannya adalah bersamaan dengan sifat sintaksis bagi kata kerja transitif dan kata kerja tak transitif sebagaimana contoh bagi KPrep transitif berikut :

(9a) *1a. Abang saya pergi *ke* ____
(9b) *1b. Adik saya tinggal *di* _____

Seharusnya
(9c) Abang saya pergi *ke* Kuala Lumpur.
(9d) Adik saya tinggal *di* Melaka.

Walau bagaimanapun, bagi KPrep tak transitif *di* dan *ke* + kata adverba, penguguran FN objek dibolehkan seperti contoh berikut:

(10a) Adik saya meletakkan buku *di atas* meja
(10b) Adik saya meletakkan bukunya *di atas*.

Dengan menggunakan kaedah operasi pemindahan kepala kategori kata kerja tak transitif, Ramli Md. Salleh juga menganggap KPrep tak transitif juga dapat melalui operasi pemindahan yang sama iaitu pemindahan kategori kata ke kedudukan baru. Untuk menyelesaikan status kata seperti *atas, bawah, luar* dalam contoh *ke bawah, di luar, ke bawah*, Ramli Md. Salleh mengandaikan dua perkara iaitu pertama KPrep + adverba adalah KPrep rangkap dan ia berada di bawah satu nodus FPrep yang sama. Oleh kerana KPrep ini bersifat tak transitif maka FN (objek) tidak wujud seperti contoh

(11a) Adik mengangkat kotak itu *ke atas*.

(11b) Adik mengangkat *ke atas* kotak itu.

Andaian kedua ialah menganggap kata adverba tempat seperti *atas, bawah, luar* dan sebagainya itu sebagai FN, maka dalam contoh ayat 11b, FN kedua tidak hadir. Namun demikian untuk perbincangan pemindahan FPrep + kata adverba tempat, Ramli Md. Salleh (1995, 1997) berpegang kepada andaian pertama iaitu KP+ kata adverba tempat sebagai KP tak transitif rangkap dan boleh mengalami pemindahan kedudukan. Sebagai contoh dalam ayat (12) diberikan dua representasi seperti berikut:

(12)

a) Saya melempar buku itu ke luar

b) Saya melempar ke luar buku itu.

12a)



12b)



Sumber: Ramli Md. Salleh (1997: 798-799)

Sebagai kesimpulan, Ramli Md. Salleh telah membezakan dua kumpulan kata preposisi iaitu kata preposisi transitif iaitu KPrep + FN dan kata preposisi tak transitif iaitu KPrep+ kata adverba tempat (atas, bawah, luar dan sebagainya). Untuk menyempurnakan pemindahan kepala ke kedudukan baru, maka Ramli Md. Salleh (1997) turut menganggap KPrep+ adverba sebagai KPrep rangkap. Ini kerana pemindahan KPrep +FN adalah tidak dibenarkan kerana objeknya tidak boleh digugurkan sedangkan pemindahan kategori kepala KPrep rangkap adalah dibolehkan dan oleh kerana sifatnya yang tak transitif maka kehadiran frasa nama tidak diwajibkan.

Walau bagaimanapun, analisis Ramli Md. Salleh tentang kewujudan konsep ketransitifan preposisi disangkal oleh Rogayah Razak (2003) dalam perbincangan beliau tentang struktur frasa preposisi bahasa Melayu. Rogayah Razak (2003) menyatakan dalam kedua-dua binaan preposisi iaitu KP + FN dan KPrep +adverba melibatkan komplemen iaitu dalam kedua-dua kes ini, komplemennya adalah frasa nama. Sebagai contoh preposisi ke + adverba seperti *ke luar* dalam ayat

(13) Ali membuang sampah itu *ke luar*.

Rogayah Razak (2003) menunjukkan bahawa *ke luar* yang dianggap sebagai preposisi tak transitif oleh Ramli Md. Salleh (1997) kerana tidak ada komplemen,pada struktur dalamannya masih mempunyai frasa nama sebagai objeknya iaitu merujuk kepada *ke (tempat) luar*. Oleh itu dalam contoh Ramli Md. Salleh (1997), *Adik mengangkat kotak itu ke atas* dianggap sebagai masih mempunyai frasa nama iaitu *ke* (*tempat) atas*.

Oleh sebab kedua-dua jenis binaan preposisi KPrep + FN atau KPrep+ adverba mempunyai komplemen iaitu frasa nama maka perbezaan transitiviti tidak timbul dan Rogayah Razak (2003) menunjukkan bahawa representasi preposisi adalah sama bagi kedua-dua binaan iaitu P'→ P; FN yang digambarkan dalam dua rajah pohon di bawah.



Sumber : Rogayah Razak (2003 :58)

Ramli Salleh (1995) dalam membincangkan tentang preposisi juga telah menunjukkan dua pola pendepanan fokus bagi frasa preposisi adjung dan frasa preposisi argumen. Pertama, pendepanan dengan penanda soalan KAH yang diimbuhkan pada konstituen yang disoal dalam soalan ya-tidak. Sebagai contoh ayat (14a) merupakan FPrep yang berfungsi sebagai adjung manakala (14b) menggambarkan fungsi FPrep sebagai argumen.

(14a) *Di sekolahkah* Ahmad menulis surat itu ? -Fprep adjung
(14b*) Di atas mejakah* Ahmad meletakkan buku itu ?- Fprep argumen

Berbeza dengan FPrep adjung, tidak semua FPrep argumen boleh diberi fokus, misalnya ditunjukkan contoh ayat berikut:

(15a) * Ke sekolahkah dia pergi?.
(15b) * Ke dalam bilikkah Aminah masuk?

Kebolehan sesuatu FPrep yang disubkategorisasikan itu diberikan fokus atau tidak bergantung sama ada pendepanan itu melibatkan kata kerja yang mensubkategorisasi FPrep tersebut. FPrep yang disubkategorisasi oleh kata kerja transitif seperti contoh (14b) boleh dibawa ke hadapan iaitu berkelakuan seperti FP adjung, tetapi FPrep yang disubkategorisasikan oleh kata kerja tak transitif seperti contoh (15a) dan (15b) tidak boleh dibawa ke hadapan. Keupayaan pendepanan bergantung kepada pemindahan kedudukan frasa kerja yang melibatkan kata kerja mensubkategorisasikan FPrep itu seperti dalam (16c) dan (16d).
(15c) Pergi ke sekolahkah dia?
(15d) Masuk ke dalam bilikkah Aminah?

Kedua, pendepanan fokus melibatkan pemindahan frasa. Sebagaimana dengan contoh bahasa Inggeris yang diberikan oleh Ramli Md. Salleh (1995), pemindahan FPrep adjung tidak menimbulkan masalah oleh sebab FPrep tidak disubkategorisasikan oleh kata kerja misalnya, kata kerja *visited,* dalam ayat (16), adverba masa tidak

disubkategorisasikan oleh kata kerja *visited* maka membolehkan adverba masa *yesterday* dikedepankan secara bersendirian sebagaimana ditunjukkan oleh ayat (16):

(16)

(a) John visited the museum yesterday.

(b) Yesterday, John visited the museum.

Peranan preposisi sebagai adverba dijanakan di bawah ayat sebagaimana ditunjukkan di bawah:

(17)



Sumber: Ramli Md. Salleh (1995: 118)

Berbeza dengan FPrep yang tidak disubkategorisasikan oleh kata kerja, Ramli Md. Salleh (1995) menunjukkan bahawa FPrep yang disubkategorisasi tidak boleh dibawa ke hadapan oleh sebab FPrep ini dikuasai oleh nodus KK. Contohnya ayat (15) berikut:

(18a) John ran to the station.

(18b) *To the station, John ran.

Ramli Md. Salleh (1995:119)

Perbincangan ini memperlihatkan bahawa analisis Ramli Md. Salleh (1995) agak berbeza dengan perbincangan penahu yang lain (lihat Asmah Hj. Omar 1993 dan Nik Safiah Karim et al. 1996), yang memfokuskan fungsi preposisi sebagai adverba atau

keterangan sahaja. Ramli Md. Salleh telah menunjukkan bahawa terdapat dua fungsi FPrep iaitu FPrep sebagai adjung dan FPrep argumen. FPrep adjung bebas menjalani pendepanan manakala FPrep argumen perlu memindahkan sekali kata kerja yang menguasainya. Pemindahan FPrep argumen sahaja sebagaimana ditunjukkan pada ayat (18b) akan menghasilkan ayat yang tidak gramatis.

Kajian Norizan Rajak (2002) pula dianggap sebagai penelitian tentang proses gramatikalisasi bahasa. Beliau meneliti perkembangan beberapa kata preposisi dialek Kedah dengan menggunakan teori gramatikalisasi. Gramatikalisasi merupakan proses membentuk unsur nahuan dalam bahasa. Dalam proses ini, kelas leksikal akan kehilangan sifatnya dan berubah secara beransur-ansur kepada kelas fungsian (Norizan Rajak 2002:19). Teori gramatikalisasi yang diaplikasikan berasaskan hipotesis sehala iaitu gramatikalisasi daripada kelas leksikal ke kelas fungsian dan tidak sebaliknya. Dalam penelitiannya, beliau memberi fokus kepada tiga kata preposisi dialek Kedah iaitu *kat, kot* dan *tang*. Sungguhpun, dinyatakan penelitian terhadap tiga kata preposisi iaitu *kat, kot* dan *tang* namun dalam perbincangan beliau, hanya kata preposisi *kat* dan *kot* sahaja yang dijelaskan. Menurut Norizan, kata preposisi dialek Kedah seperti ‘kot’ dan ‘kat’ jelas terbit daripada kata kerja ‘proximity’ yang berada dalam struktur bersiri. Struktur serialisasi bermakna turutan kata kerja yang tidak mempunyai kata hubung secara “terang terangan” (Norizan Rajak 2002:20). Untuk melihat perkembangan kata preposisi ini, beliau menggunakan data sinkronik (Hikayat Terung Pipit Versi Panglima Kudin Ali 1924) dan data diakronik (kajian lapangan di kawasan Kodiang, Alor Setar dan Sungai Petani dari tahun 1994 hingga tahun 1995).

Dalam analisis gramatikalisasinya, beliau menghuraikan bahawa kata kerja ‘dekat’ berubah kepada kata preposisi ‘kat’, kata kerja ‘ikot’ mengambil makna kata preposisi ‘melalui’, ‘dari’ dan ‘daripada’ dan kemunculan fungsi kata adverba epistemik ‘kot’ daripada kata ‘takut’. Beliau mendapati perubahan kata kerja ‘dekat’ terjadi apabila kata ini hadir selepas kata kerja inti dan diikuti oleh kata nama dan apabila keadaan ini berlaku, kata ‘dekat’ akan mengalami perubahan bentuk dari segi fonologi menjadi ‘kat’ seperti dalam ayat *dia dekat kat aku ni*. Apabila kata dekat menjadi kata

inti, kata ‘dekat’ akan bersifat kerjaan seperti dalam ayat *dia dah dekat* manakala bagi kata ‘kot’, ia menandakan peranan sebagai kata kerja sekiranya ia tidak dapat digerakkan ke pangkal ayat seperti * *Kut pekan Alor Stak depa mai* tetapi apabila berfungsi sebagai kata preposisi, pergerakannya menjadi lebih bebas seperti ditunjukkan pada ayat (19).

(19a). Kerja kita dok buat bendang la *kot ni*.
(19b). *Kot ni* kerja kita **X** dok buat bendang la **X**.
(**X**-tempat frasa *kot* ni boleh bergerak)

Selain daripada perubahan bentuk, iaitu mencerminkan proses pertukaran tersebut sudah meluas, satu lagi kesan perubahan ini dapat dilihat dari segi ketinggian kekerapan penggunaan kata preposisi ‘kat’ dan ‘kot’ dalam dialek Kedah. Ini menandakan bahawa ‘kat’ dan ‘kot’ sebagai kata preposisi telah mengalami proses gramatikalisasi dan telah berubah daripada kata kerja yang lebih bersifat leksikal kepada kata fungsian.

Kesimpulannya, analisis ini telah membincangkan perubahan semantik yang melibatkan evolusi daripada kata kerja kepada kata preposisi dalam dialek kedah. Berasaskan kepada proses gramatikalisasi ia bukan sahaja telah mengubah skop semantik perkataan *dekat* dan *ikut* malah mengubah golongan kata kerja ini menjadi golongan kata preposisi dalam konteks tertentu.

2.2.4 Analisis Kritis Kajian Sarjana Tempatan

Berdasarkan penelitian dan perbincangan kata preposisi di atas, boleh disimpulkan bahawa setiap kelompok perbincangan memberikan perspektif yang berbeza kepada kata preposisi bahasa Melayu. Penahu-penahu seperti oleh Za’ba (2000), Nik Safiah Karim et al. (1996) dan Asmah Hj. Omar (1993) telah mengelompokkan kata preposisi mengikut maksud kata preposisi tersebut. Perbincangan mereka tertumpu kepada penyenaraian kata-kata tersebut kepada pelbagai jenis, menyenarai dan memberitahu jenis kata preposisi yang sering ditemui dan digunakan oleh penutur bahasa Melayu.

Kajian Zahrah Ghafur (1986) dan Wanphen Siriraksasak (1998) memperlihatkan hubungan semantik yang terkandung dalam kata preposisi dan masalah-masalah memadankan penterjemahan kata preposisi antara dua bahasa berdasarkan hubungan semantik tersebut. Kajian Imran Ho (1999) pula memperlihatkan bahawa kata preposisi mempunyai domain-domain tertentu dan kekerapan penggunaan kata preposisi mengikut domain merentas variasi-variasi bahasa Inggeris yang dikaji. Kajian Ramli Md. Salleh (1995, 1997) yang menggunakan analisis sintaksis Kuasaan dan Tambatan pula memperlihatkan analisis preposisi mengikut perspektif pergerakan sintaksis. Beliau merumuskan bahawa terdapat dua kelompok preposisi iaitu preposisi transitif dan tak transitif dan juga dua fungsi preposisi iaitu adjung dan argumen. Kajian Norizan Rajak (2002) pula memperlihatkan perubahan makna dan fungsi kata preposisi merentas masa mengikut proses gramatikalisasi.

Kajian-kajian yang telah ditunjukkan tentang analisis preposisi memperlihatkan bagaimana analisis dilihat daripada berbagai perspektif yang berbeza. Setakat ini belum ada kajian yang mengkaji aspek semantik yang diwakili oleh kata preposisi bahasa Melayu dan juga peranan atau fungsi sintaksis yang ada pada frasa tersebut. Sesuai dengan matlamat untuk menghasilkan tatabahasa rujukan maka penelitian kumpulan penahu ini hanya menjurus kepada bentuk dan penggunaan kata dan frasa preposisi sahaja. Kajian yang berasaskan data korpus pula lebih menumpu kepada analisis preposisi daripada sudut terjemahan dan perbandingan preposisi dengan bahasa lain. Dengan kata lain, kumpulan kajian ini meneliti preposisi selain daripada bahasa Melayu sebagaimana kajian Imran Ho (1999), yang melihat preposisi dengan menggunakan data korpus bahasa Inggeris. Kajian-kajian yang berasaskan analisis linguistik pula agak terhad seperti Norizan Rajak (2002) yang memberi tumpuan kepada proses gramatikalisasi preposisi dialek khususnya dialeh Kedah manakala kajian Ramli Md. Salleh (1995, 1997) pula menghuraikan frasa preposisi sahaja daripada sudut pergerakan sintaksis.

2.3 KATA DAN FRASA PREPOSISI : PERSPEKTIF SARJANA LUAR NEGERI

Bahagian ini akan mengulas dan membincangkan beberapa kajian sarjana barat tentang preposisi. Antara aspek yang ingin difokuskan dalam bahagian ini adalah kajian sarjana barat tentang struktur semantik dan fungsi preposisi.

2.3.1 Analisis Makna dan Fungsi Preposisi

Bennet (1975) telah melakukan analisis makna bagi preposisi reruang dan masa dalam bahasa Inggeris (British) yang dianggap sebagai "…*the single most comprehensive semantic analysis of English prepositions currently available in the literature*." (Hawkins 1995 dlm. Jolly 1991).

Bennet (1975) telah menggunakan analisis komponen makna. Kategori semantik yang digunakan untuk membezakan setiap makna preposisi yang diteliti adalah dengan menggunakan komponen reruang seperti *dalaman* (interior), *luaran* (exterior), *permukaan* (surface) dan *lebih tinggi* (higher). Sebagai contoh, komponen *dalaman* adalah sebahagian daripada makna preposisi lokatif *in*, *into* dan *through* tetapi tidak wujud sebagai sebahagian daripada komponen makna bagi preposisi lokatif *behind* yang mengandungi komponen *belakang* (posterior). Sehubungan dengan itu, analisis komponen tentang preposisi lokatif reruang memperlihatkan preposisi *at* sebagai ungkapan lokatif paling neutral, *via* ungkapan laluan paling neutral dan *to* ungkapan sasaran paling neutral manakala preposisi lokatif yang lain dibezakan berasaskan komponen makna reruang misalnya, *on*: 'lokatif permukaan', *below*: 'lokatif bawah' dan *above*: 'lokatif atas'.

Selain analisis komponen, Bennet telah menggunakan klasifikasi kata kerja Vendler (1957) untuk menunjukkan hubungan antara kata kerja dan jenis preposisi yang hadir bersamanya. Bennet menunjukkan bagaimana jenis ayat lokatif boleh berhubungan dengan kelas kata kerja Vendler yang diklasifikasikan kepada 4 jenis iaitu aktiviti,

penyempurnaan, pencapaian dan keadaan misalnya, ayat lokatif dan jarak dalam (20) melibatkan predikat keadaan.

(20a) Gwyneth is *at* the supermarket.
(20b)The mall extends *from* Buckingham Palace *to* Trafalgar Square.

Ayat arah dalam (21) pula menunjukkan hubungan dengan predikat penyempurnaan dan pencapaian.

(21a) We walked along the Mall *to* Trafalgar Square.
(21b) (Then) the bridegroom arrived *at* the church.

Pendekatan makna kata kerja bukan sahaja dapat memberi penjelasan tentang hubungan kata kerja dan preposisi lokatif malah Bennet mengakui bahawa adverba temporal mempunyai hubungan erat dengan kata kerja dalam ayat. Bennet menyatakan "*…a sentence may be ungrammatical because of an incompatibility between the verb and temporal adverbial*" (1975:100). Klasifikasi makna leksikal kata kerja bukan sahaja boleh diaplikasikan untuk menjelaskan hubungan antara jenis kata kerja dan preposisi lokatif malah menurut Bennet, ia penting untuk memahami adverba temporal misalnya, predikat aktiviti dan keadaan biasanya menerima adverba temporal *for a few hours* atau *for several years* sebagaimana ditunjukkan contoh ayat (22).

(22a). ….dig the garden (aktiviti) for a few hours.
(22b)….own a house (keadaan) for several years.

Dalam analisis komponen tentang penggunaan temporal, Bennet menganggap preposisi seperti *in, on* dan *at* bukan sahaja mempunyai makna utama sebagai lokatif tetapi juga boleh digunakan dalam penggunaan temporal misalnya, preposisi *on*, dikatakan sebagai mempunyai dua makna temporal iaitu 'lokatif dalaman' sebagaimana dalam penggunaan yang ditunjukkan dalam (23) dan makna lokatif sebagaimana penggunaan dalam (24).

(23a) *on* Tuesday

(23b) *on* July 4

(24a) *on* that occasion

(24b) *On* opening the can, I managed to cut myself.

Secara keseluruhan, Bennet menganggap struktur komponen makna bagi preposisi reruang adalah relevan bagi penggunaan peristiwa yang dianggap sebagai lokatif dan juga temporal. Analisis ini menganggap preposisi *in, at, to* dan *from* sebagai preposisi asas yang mempunyai makna neutral sebagai reruang dan masa. Pemilihan makna reruang atau masa itu akan dilakukan oleh konteks sesuatu ujaran.

Gawron (1986) dan Jolly (1991, 1993) merupakan antara pengkaji yang telah mengkaji fungsi preposisi. Walau bagaimanapun kedua-duanya melihat fungsi preposisi dalam kerangka yang berbeza. Gawron menggunakan kerangka semantik situasi lanjutan (*extended situation semantics*) khususnya versi lanjutan dalam 'jenis, kandungan dan objek semantik'. [11] Kerangka ini memperlihatkan maklumat iaitu maklumat bagi ayat dan juga maklumat dunia dalam mana token/penanda ayat ditukar manakala Jolly menggunakan Teori RRG iaitu berasaskan klasifikasi kata kerja berdasarkan struktur logik yang memotivasikan pemilihan preposisi dan analisis bagi preposisi. Klasifikasi kata kerja berasaskan kepada empat kategori kata kerja iaitu kata kerja statif/keadaan, kata kerja aktiviti,kata kerja penyempurnaan (*accomplishment*) dan pencapaian (*achievement*). Walaupun menggunakan pendekatan yang berbeza, namun Gawron dan Jolly dengan label yang berbeza telah mengklasifikasikan fungsi kehadiran frasa preposisi kepada tiga kumpulan iaitu FPrep argumen, FPrep argumen-adjung[12] dan FPrep adjung.

---

[11] Untuk mendapatkan gambaran lengkap tentang teori ini, sila lihat artikel Gawron (1986) yang bertajuk "*Situations and prepositions*" dalam Jurnal *Linguistics and philosophy*, 9:327-382.

[12] Istilah argumen-adjung dipakai oleh Jolly (1991, 1993) dan Van Valin & LaPolla (1997), manakala Gawron menggunakan istilah FPrep predikator bersama (co-predicators). Untuk kajian ini, pengkaji akan menggunakan istilah argumen-adjung.

Pendekatan Gawron lebih menumpukan kepada analisis semantik sebagaimana catatan nota kaki, iaitu beliau menyatakan *" This paper is about semantics"*. Gawron secara tidak langsung melihat kesamaan ciri kata kerja dalam usahanya membincangkan tentang struktur argumen. Beliau menyatakan "*…the class of verbs they subcategorize is a semantically motivated class"*. Beliau memberi contoh berikut:

(25a) Jack hit the stick against the fence.
(25b) Jack hit the fence with the stick. (Gawron 1986:334)

Preposisi *against* dikatakan muncul dengan kata kerja yang berhubungan dari segi semantik iaitu dilabelkan sebagai *impingement* seperti *hit, strike, rap, beat, smash* and *tap*. Kesemua kata kerja ini mempunyai hubungan semantik yang sama. Beliau menyatakan situasi yang melibatkan kata kerja *impingement* menghuraikan situasi *impingement*. Berasaskan analisis Gawron, situasi yang dikaitkan dengan kepelbagaian kata kerja ini mempamerkan perlakuan yang tetap iaitu agen A menyebabkan satu objek B mengenai objek C. Untuk mengikuti perlakuan kata kerja itu, preposisi yang dipilih adalah berasaskan ciri semantik yang ada pada sesuatu preposisi itu. Dengan itu preposisi *against* sentiasa menandakan objek C manakala preposisi *with* menandakan objek B. Beliau selanjutnya menghubungkan IMPINGEMENT kepada kedua-dua preposisi itu dan juga kata kerja. Kekangan IMPINGEMENT dimodelkan mengikut format Cooper (1984).

(26) Kekangan IMPINGEMENT
(1a) $< l, \alpha, x, y, z, 1> \longrightarrow <l$, IMPINGEMENT z, y,1>
(1b) $< l, \beta, y, z, 1> \longrightarrow <l$, IMPINGEMENT y,z1>
(IIa) $< l$, IMPINGEMENT y,z,1> $\longrightarrow$ < Against y,1>
(11b) $< l$, IMPINGEMENT y,z,1> $\longrightarrow$ < With y,1>

iaitu $\alpha \in \{hit_3, slap_3, knock_3, strike_3, rap_3, tap_3, smash_3, beat_3\}$
dan $\beta \in \{hit_2, slap_2, knock_2, strike_2, rap_2, tap_2, smash_2, beat_2\}$

Perbincangan peranan preposisi dengan melihat hubungannya dengan kelas semantik kata kerja merupakan kaedah yang sama dilakukan oleh Jolly (1991, 1993) dalam analisisnya tentang peranan preposisi. Namun Jolly (1991, 1993) menggunakan Teori RRG iaitu klasifikasi kata kerja dibuat berdasarkan struktur logik yang memotivasikan pemilihan preposisi dan analisis. Teori RRG merupakan teori yang berasaskan dekomposisi predikat (*predicate decomposition*). Apabila dekomposisi predikat dilakukan maka kata kerja yang berada dalam kelas semantik yang sama akan mempunyai substruktur dekomposisi yang sama. Berasaskan kepada sistem dekomposisi itu, kata kerja dikelaskan kepada empat jenis kata kerja iaitu keadaan, pencapaian, aktiviti dan penyempurnaan. Proses pengelompokan kata kerja kepada kelas-kelas ini adalah berasaskan kepada aspek tertentu seperti temporal, kerangka kata bantu aspek dan entailmen logik (Jolly 1991:70).

Sebagai contoh Jolly memberikan peranan dan kehadiran preposisi dalam struktur semantik bagi kata preposisi *to* dan *from* sebagaimana dalam dua ayat berikut:

(27a) John gave the book to Bill.
(27b)John took the book from Bill.

Analisis bagi struktur semantik bagi kata kerja *give* dan *take* menunjukkan satu struktur logik seperti dalam (27c).

(27c) [[DO(w,[**do**'(w)]]CAUSE [BECOME NOT **have**'(x,y)] & [BECOME **have**'(z,y)]]

Dalam struktur logik yang dicadang ini, y=tema, z=matlamat dan x= sumber. Penentuan agen (w) sebagai x atau z memperlihatkan struktur semantik yang bertentangan bagi *give* dan *take*: iaitu *give*, w=x, *take*, w=z. Sehubungan dengan itu struktur logik bagi (27a) dan (27b) seperti berikut;

(27ai)[[DO (John, [**do**'(John)])] CAUSE [BECOME NOT **have**'(John, book)] & [BECOME **have'** (Bill,book)]]

(27bi)[[DO (John, [**do**'(John)])] CAUSE [BECOME NOT **have'** (Bill, book)]& [BECOME **have'** (John,book)]]

Dengan demikian, *to* dan *from* merupakan fungsi bagi struktur logik bagi kata kerja penyempurnaan pindahan seperti *give* dan *take*. Struktur BECOME **have'** dan BECOME NOT **have'** berpadanan dengan struktur kata kerja masing-masing iaitu *give* dan *take*. Sehubungan dengan itu, menurut Jolly, apabila kata kerja statif hadir dengan argumen lokatif (iaitu dengan kata kerja persepsi, kognisi, milik dan lokasi) dan predikat itu dipancangkan ke bawah BECOME dan bukan pengalami maka ia ditandai oleh preposisi *to*.

Satu lagi kajian yang mengaplikasikan Teori RRG dalam analisis tentang predikat adalah kajian Boutin (2004). Predikat yang menjadi fokus kajiannya adalah predikat lokatif dalam bahasa Bonggi.[13] Predikat lokatif adalah predikat yang menunjukkan lokasi bagi sesuatu entiti sama ada direalisasikan sebagai frasa preposisi lokatif (misalnya, *at*, *to*), adverba deiktik (misalnya, *somewhere here*) atau kata kerja lokatif statif (misalnya, *prone*). Dengan menggunakan Teori RRG beliau mengutarakan analisis alternatif bagi predikat lokatif dan menyediakan klasifikasi semantik bagi predikat lokatif berasaskan hubungan predikat ini dengan kata kerja lokasi dan kata kerja perubahan lokasi. Predikat lokatif diklasifikasikan berdasarkan lima kelas *Aktionsart* iaitu keadaan lokatif, penyempurnaan lokatif, pencapaian lokatif, aktiviti dan aktif penyempurnaan.

Dalam Teori RRG predikat lokatif dianggap mempunyai dua argumen iaitu entiti yang ditempatkan dan lokasi (Foley & Van Valin 1984; Jolly 1993, Van Valin 1993; Van Valin & LaPolla 1997). Struktur logik (SL) standard bagi lokatif statif diberikan sebagai berikut:

(28) SL bagi lokatif statif daripada Van Valin & LaPolla (1997): be-**LOC'** (x,y)

[13] Bahasa Bonggi adalah bahasa Austronesia Barat yang dituturkan di Kepulauan Bonggi dan Balambangan di daerah Kudat, Sabah.

Dalam (28), ‘x’ dan ‘y’ merupakan dua argumen. Dalam kebanyakan bahasa, predikat lokatif mempunyai dua valens semantik tetapi mempunyai satu valens sintaksis. Percanggahan antara valens sintaksis dan semantik menyebabkan RRG menganggap predikat lokatif sebagai satu kekeculian dalam korelasi antara valens. Untuk menyelesaikan percanggahan antara valens sintaksis dan semantik maka Boutin (2004) memberi satu analisis alternatif iaitu dengan menganggap lokasi sebagai satu predikat dan bukan sebagai ekspresi rujukan dan dengan itu kata kerja ini adalah tidak transitif dan bukan satu kekecualian dalam korelasi valens. Boutin telah mengutarakan SL alternatif bagi lokatif statif sebagaimana ditunjukkan oleh SL (29).

(29) SL alternatif bagi lokatif statif: **be’** (x, [**LOC’** (y)])

SL (29) menunjukkan bahawa argumen kedua bagi posisi (y) diisi oleh predikat iaitu **LOC’** (y). Ini bermaksud bahawa predikat ini tidak boleh berfungsi sebagai argumen oleh sebab predikat ini bukan merupakan ekspresi rujukan. ‘y’ merupakan argumen bagi predikat pancangan **LOC’** dan bukan sebagai argumen bagi **be’**. Perbincangan SL bagi predikat lokatif seterusnya dikaitkan dengan fungsi preposisi yang dibezakan mengikut klasifikasi RRG iaitu preposisi penandaan argumen, preposisi adjung dan preposisi argumen-adjung. Perbincangan tentang fungsi preposisi ini menyokong analisis yang diutarakan oleh Jolly (1991, 1993) dan Van Valin & LaPolla (1997).

Ringkasnya, persamaan yang ditunjukkan oleh kajian Gawron (1986), Jolly (1991,1993) dan Boutin (2004) adalah penonjolan kata kerja yang dikaitkan dengan kepelbagaian fungsi FPrep yang dibezakan iaitu fungsi argumen, fungsi argumen-adjung dan fungsi adjung. Kepelbagaian fungsi preposisi ini secara prinsipnya boleh diisi oleh kandungan semantik preposisi yang sama dan apa yang membezakan antara satu peranan dengan peranan yang lain adalah bukan ditentukan oleh kandungan sesuatu preposisi itu tetapi dibezakan melalui cara kita menggabungkan peranan-peranan itu.

2.3.2 Analisis Kritis kajian Sarjana Luar Negeri

Pendekatan dekomposisi merupakan satu pendekatan yang memecahkan predikat (yang biasanya kata kerja) kepada kelas-kelas tertentu berasaskan fitur semantik yang dikongsi bersama. Walaupun tidak menyatakannya secara eksplisit, namun analisis Gawron kelihatan cuba mengaplikasikan pendekatan ini. Ini dapat diperhatikan apabila beliau mengelaskan kata kerja seperti *hit, slap, beat, rap, tap,smash* dan *strike* kepada kepada kelas kata kerja impingement. Sungguhpun secara tidak langsung beliau melakukan pengkelasan ke atas kata kerja namun beliau tidak menyatakan kaedah yang diguna pakai ketika melakukan proses tersebut. Satu lagi kekangan bagi analisis Gawron adalah beliau hanya memberi tumpuan kepada aspek semantik sebagaimana ditegaskan dalam kenyataaan beliau tentang pengecualian sesuatu argumen iaitu "…*all the impingement verbs have a common property which I have left to the syntax to account for: in the valence that takes against the prepositional complement is obligatory*." (Gawron 1984: 337). Berbeza dengan analisis Gawron, Jolly (1991, 1993) menganggap analisis preposisi mesti mengambil kira keseluruhan persekitaran semantik dan sintaksis dalam mana preposisi itu hadir. Sebagaimana dinyatakan oleh Jolly (1991:69) "*An analysis of prepositional roles and their specifications in the lexicon requires the construction of a theoretical bridge between syntax and semantics*".

Perbincangan Jolly (1991, 1993) dan Boutin (2004) yang menggunakan Teori RRG sebagai landasan analisis telah mengenengahkan perwakilan semantik bagi sesuatu predikat iaitu melalui struktur logik. Kedua-dua kajian ini telah menunjukkan bagaimana RRG menyediakan satu sistem untuk menganalisis dan mengklasifikasikan komponen-komponen penting dalam klausa, menjadikan hubungan kata kerja dan argumennya jelas dan akhirnya berupaya meramal dan menjelaskan tentang penandaan sesuatu preposisi.

2.4 PERTALIAN DI ANTARA KAJIAN LEPAS DAN PERMASALAHAN KAJIAN

Penelitian preposisi di kalangan sarjana tempatan dan luar negara memperlihatkan pelbagai aspek kajian tentang preposisi. Pandangan penahu tentang bentuk dan penggunaan kata preposisi adalah sekata. Umumnya kata preposisi merupakan kata yang menunjukkan hubungan atau perkaitan asas antara satu entiti (biasanya kata nama) dengan satu entiti (biasanya kata nama) yang lain dalam ayat. Dengan perkataan lain, penahu terdahulu hanya melihat hubungan preposisi dengan frasa nama untuk membolehkan frasa preposisi mempunyai makna yang sempurna. Penelitian tentang hubungan kata kerja dan preposisi yang hadir bersamanya masih belum dibincangkan. Begitu juga pandangan tentang fungsi frasa preposisi bahasa Melayu perlu diperluaskan lagi. Ini adalah kerana penahu tempatan seperti Asmah Hj. Omar (1993), Nik Safiah Karim et al. (1996), Abdullah Hassan dan Liaw Yock Fang (1994) menganggap frasa preposisi hanya berfungsi sebagai keterangan atau adverba. Hasil penelitian terhadap kajian sarjana luar mendapati fungsi frasa preposisi adalah lebih luas lagi. Gawron (1986) menyatakan "…*most syntactic theories distinguish at least two kinds of prepositional phrases, adjuncts or adverbial modifier, and verbal complements or subcategorized-for prepositional phrases*". Hasil kajian Gawron (1986), Jolly (1991, 1993) dan Boutin (2004) memperlihatkan kehadiran frasa preposisi dalam tiga fungsi iaitu komplemen, argumen-adjung dan adjung. Mengikut Van Valin dan LaPolla (1997) dan Van Valin (2004b), fungsi-fungsi preposisi ini boleh dikelaskan kepada dua jenis iaitu fungsi bukan predikatif dan fungsi predikatif. Fungsi preposisi bukan predikatif merujuk kepada preposisi sebagai argumen, manakala fungsi preposisi predikatif merujuk kepada preposisi argumen-adjung dan adjung. (Hal ini akan dibincangkan dengan lebih terperinci dalam bab 3).

Analisis Bennet (1975), Gawron (1986), Jolly (1991,1993) dan Boutin (2004) telah menunjukkan bahawa makna kata kerja mempunyai hubungan dengan preposisi yang hadir bersamanya dalam ayat. Berhubung dengan hal ini, Van Valin dan LaPolla (1997:53) menyatakan bahawa "sesuatu preposisi itu berfungsi sebagai predikatif atau

bukan predikatif bergantung kepada kata kerja yang muncul bersamanya dalam ayat".[14] Dalam bahasa Melayu, Mohd Azemi Mohd Yusoff (1999), ada membincangkan makna yang terdapat pada kata kerja. Walau bagaimanapun, Mohd Azemi Mohd Yusoff (1999) dengan cara yang lain telah menunjukkan bagaimana pemaknaan kata kerja berdasarkan hubungan kata kerja dengan unsur lain dalam binaan ayat, sama ada sebelum atau sesudah kata kerja. Dalam perbincangan ini, hubungan kata kerja dilihat berasaskan hubungannya dengan kata nama. Beliau berpendapat kata kerja menentukan hadirnya kata nama. Hasil hubungan ini akan membentuk juzuk makna dalam bahasa Melayu. Beliau memberikan enam juzuk makna iaitu agentif, lokatif, benefaktif, kausatif, eksprientatif dan instrumentatif. Apabila juzuk makna digabungkan dengan empat makna kata kerja iaitu kata kerja pembuatan, kata kerja keadaan, kata kerja proses dan kata kerja pemerian maka akan terbentuk makna konsep kata kerja dalam bahasa Melayu. Secara ringkas, analisis Mohd Azemi Mohd Yusoff menunjukkan bahawa makna konsep kata kerja = juzuk makna+ makna kata kerja. Hasil gabungan ini, ditunjukkan 21 makna konsep bagai kata kerja bahasa Melayu;

a. Kata kerja perbuatan agentif, lokatif, benefaktif, kausatif, eksprientif dan instrumentatif.
b. Kata kerja keadaan lokatif, benefaktif, kausatif, eksprientif dan instrumentatif.
c. Kata kerja proses lokatif, benefaktif, kausatif, eksprientif dan instrumentatif.
d. Kata kerja pemerian lokatif, benefaktif, kausatif, eksprientif dan instrumentatif.

Perbincangan oleh Mohd Azemi Mohd Yusoff menunjukkan kata kerja mempunyai hubungan dengan unsur lain dalam ayat iaitu kata nama. Walau bagaimanapun sistem pemaknaan kata kerja yang ditunjukkan oleh beliau tidak berlandaskan sebarang teori atau pendekatan yang digunakan untuk mengklasifikasikan kata kerjanya. Justeru kajian ini memilih pendekatan klasifikasi kata kerja yang dianjurkan oleh Van Valin dan LaPolla (1997) melalui Teori Role dan Reference Grammar (RRG) sebagai acuan analisis untuk melihat hubungan antara kata kerja dan preposisi, representasi semantik yang ada pada kandungan preposisi bahasa Melayu dan seterusnya menunjukkan fungsi-

[14] Petikan asal berbunyi " *A given adposition may function either predicatively or non-predicatively,*

fungsi yang ada pada frasa preposisi bahasa Melayu selain daripada fungsi yang diperkatakan selama ini iaitu keterangan atau adverba sahaja.

2.5 KESIMPULAN

Bab ini telah memperlihatkan kajian-kajian lepas yang pernah dilakukan oleh sarjana tempatan dan luar negara tentang berbagai aspek preposisi bahasa Melayu. Antara sarjana tempatan yang dikemukakan ialah Za'ba (2000), Asmah Hj. Omar (1993), Ramli Md. Salleh (1995, 1997) dan Imran Ho (1999, 2004). Empat penelitian sarjana barat tentang preposisi yang difokuskan kepada hubungan makna dan fungsi preposisi dengan kata kerja telah ditunjukkan iaitu Bennet (1975), Gawron (1986), Jolly (1991, 1993) dan Boutin (2004). Kajian-kajian terdahulu ini menjadi asas bagi mengemukakan permasalahan kajian pengkaji. Kajian ini akan meneruskan kelangsungan kajian-kajian lepas tentang preposisi yang seterusnya berupaya untuk menambah kosa ilmu tentang kajian preposisi bahasa Melayu. Dengan demikian, bab III selanjutnya akan memberi fokus kepada kerangka teori yang akan digunakan sebagai landasan analisis kajian ini.

---

depending upon which verb it appears with".

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Bahasa Melayu mempunyai satu kelas perkataan yang dikenali sebagai preposisi/kata sendi nama/ kata depan.[1] Perkataan-perkataan seperti *di, ke, dengan, dalam, kepada, untuk, tentang, demi* dan *dari (*Asmah Hj. Omar 1993:184; Nik Safiah Karim et al. 1996*:*25) merupakan antara contoh perkataan yang dilabelkan sebagai kata preposisi. Perkataan ini lazimnya digabungkan dengan frasa nama seperti *di sekolah, ke kedai, dari malam* dan *dengan pisau* membentuk frasa preposisi.

Penahu-penahu terdahulu seperti Za'ba (2000), Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim et al. (1996) telah menyenaraikan jenis-jenis dan penggunaan preposisi yang ada dalam bahasa Melayu misalnya, preposisi *di* dan *pada* menunjukkan tempat, preposisi *ke* dan *dari* menyatakan arah, dan preposisi *dengan* menunjukkkan alat. Kebanyakan penahu juga meletakkan fungsi sintaksis frasa preposisi sebagai adverba/ keterangan. Asmah Hj. Omar (1993:185) menyatakan "… frasa preposisi ini berfungsi dalam ayat sebagai adverba…", manakala Nik Safiah Karim et al. (1996:403) pula menyebut "Frasa sendi nama boleh hadir sebagai predikat dalam pola dasar bahasa Melayu dan sebagai unsur keterangan dalam ayat-ayat yang lain."

Berdasarkan sifat kata preposisi yang tidak boleh berdiri sendiri sebagai kata yang mempunyai makna yang sempurna maka kebanyakan analisis terdahulu hanya melihat

---

[1] Untuk tujuan keselarasan, pengkaji akan menggunakan istilah kata preposisi bagi merujuk kata sendi nama (Za'ba 2000; Nik Safiah Karim et al. 1996) dan kata depan (Asmah Hj. Omar 1993; Liaw Yock Fang dan Abdullah Hassan 1994).

preposisi sebagai unsur yang bergabung dengan unsur yang mengikutinya iaitu biasanya golongan nama seperti, *di surau, ke Kuala Lumpur, dari rumah, daripada besi, kepada ibu* dan sebagainya. Kehadiran unsur frasa nama mengikuti kata preposisi bagi membentuk frasa preposisi memang tidak disangkal khususnya apabila memperkatakan binaan sesuatu preposisi. Namun pemerhatian juga perlu diusahakan untuk meneliti pola kemunculan atau kehadiran preposisi dalam klausa yang boleh dikaitkan dengan kategori kata lain dalam binaan klausa/ayat iaitu kata kerja/frasa kerja. Dengan perkataan lain, bentuk dan makna yang dibawa oleh preposisi ditentukan oleh unsur yang mengikutinya iaitu frasa nama tetapi pola kemunculan dan fungsi preposisi dalam ayat boleh ditentukan oleh unsur sebelumnya iaitu kata kerja.

Dalam kajian ini, pengkaji berusaha untuk meneliti peranan fungsional yang dibawa oleh kata preposisi bahasa Melayu dari aspek sintaksis dan semantik. Peranan semantik dan sintaksis yang dibawa oleh preposisi dalam klausa/ayat akan dilihat berdasarkan hubungan preposisi dengan unsur lain dalam ayat iaitu kata kerja. Sebagai pengenalan bagi keseluruhan kajian ini, bab ini akan dimulakan dengan permasalahan kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, metodologi kajian, sejarah dan latar belakang teori pilihan, dan skop kajian.

1.2 PERMASALAHAN KAJIAN

Penelitian tentang preposisi di kalangan sarjana tempatan telah membincangkan aspek bentuk dan penggunaan kata preposisi (Asmah Hj. Omar 1993, Nik Safiah Karim et al. 1996), aspek penterjemahan (Zahrah Ghafur 1986) dan aspek analisis linguistik (Ramli Salleh 1995,1997). Perbincangan tentang struktur semantik yang diwakili oleh preposisi masih belum dilakukan. Begitu juga kajian atau penelitian yang melibatkan hubungan leksikal preposisi dan hubungannya dengan makna kata kerja tersebut masih belum diusahakan. Penelitian makna kata kerja dan hubungannya dengan unsur lain dalam ayat ada dilakukan oleh Mohd Azemi Mohd Yusoff (1999). Walau bagaimanapun, penelitiannya lebih menjurus kepada hubungan makna kata kerja dengan kata nama. Kebanyakan kata kerja memerlukan komplemen yang melibatkan frasa

preposisi (FPrep) yang khusus. Kata kerja *memberi* misalnya, memerlukan komplemen yang mengandungi FN dan FPrep *kepada* sebagaimana dalam ayat *Mirza memberi buku itu kepada Sarah* dan kata kerja *berada* memerlukan FPrep *di* seperti dalam ayat *Ahmad berada di rumah*. Dalam gatra ayat tersebut tidak ada preposisi lain yang boleh digunakan, misalnya ;

(1) *Mirza memberi buku itu *di/dari/untuk* Sarah.

(2) *Ahmad berada *ke/dari* Kuala Lumpur.

Sebaliknya, kata kerja seperti *berlari* boleh mengambil sebarang FPrep yang menerangkan lokasi sebagaimana berikut :

(3) a Mirza berlari *ke/di/dari/atas/dalam* rumah itu.

b.Mirza berlari *ke dalam/ke luar/ke hadapan/ke belakang/ke atas/ke bawah* rumah itu.

c.Mirza berlari *di dalam/ di luar/ di hadapan/ di belakang/ di atas/ di bawah* rumah itu.

d. Mirza berlari *dari dalam/ dari luar/ dari hadapan/ dari belakang/ dari atas/ dari bawah* rumah itu.

Daripada contoh-contoh di atas, kita boleh menyatakan bahawa kata kerja mempunyai kuasa untuk memilih kata preposisi yang boleh berlaku dengannya dalam ayat. Kata kerja *memberi* mempunyai komplemen berasaskan bentuk FN +FPrep (*kepada*), kata kerja *berada* mempunyai komplemen berasaskan bentuk FPrep (*di*).

Kata kerja *berlari* merupakan kata kerja aktiviti gerak, dan berdasarkan makna kata kerja ini, ia membenarkan kehadiran FPrep yang menerangkan lokasi sama ada lokasi lakuan itu atau lokasi sasaran yang dingini melalui lakuan itu. Berbeza dengan kata kerja *berada* iaitu kata kerja keadaan yang memerlukan komplemen lokasi. Sungguhpun kata kerja keadaan *berada* memerlukan maklumat lokasi, tidak semua frasa lokasi boleh wujud dengan kata kerja *berada*. Sebagai contoh, frasa preposisi yang bermula dengan *ke/dari* secara umumnya menunjukkan arah lokasi dan ianya tidak

boleh digunakan dalam kata kerja *berada* yang memerlukan kehadiran preposisi posisi lokasi seperti ditunjukkan oleh ketidakgramatisan ayat di bawah :

(4)

a. Mirza berada di/ *di dalam/ di luar/ di hadapan/ di belakang/ di atas/ di bawah* rumah itu.

b.*Mirza berada *ke/ ke dalam/ke luar/ke hadapan/ke belakang/ke atas/ke bawah* rumah.

c. *Mirza berada *dari*/ *dari dalam/ dari luar/ dari hadapan/ dari belakang/ dari atas/ dari bawah* rumah.

Dengan itu kita boleh menyatakan bahawa ada kata kerja yang mempunyai struktur komplemen yang memerlukan kehadiran frasa preposisi dengan preposisi tertentu. Sebagai contoh kata kerja *memberi* membenarkan komplemen FN dan diikuti dengan FPrep menggunakan preposisi *kepada*. Kata kerja seperti *berlari*, membenarkan kehadiran frasa preposisi yang menerangkan lokasi dengan menggunakan preposisi seperti *dari, ke* dan *di*. Berdasarkan kemunculan preposisi, dapat diperhatikan bahawa preposisi tertentu hadir bersama kata kerja yang tertentu. Ramli Salleh (1995) ada menyentuh tentang subkategorisasi kata kerja yang secara tidak langsung menunjukkan ada FPrep yang disubkategorisasikan oleh kata kerja seperti *letak, beri, pergi* dan lain-lain dan ada FPrep yang tidak disubkategorisasikan oleh kata kerja dan lazimnya dilabelkan sebagai adjung.

Kebanyakan penahu seperti Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim et al. (1996) yang membuat penelitian tentang kata preposisi juga tidak menyentuh peranan fungsional atau fungsi operasi preposisi dalam ayat atau klausa. Kebanyakan penahu memaparkan maklumat tentang bentuk dan struktur semantik bagi kata preposisi dan membataskan fungsi frasa preposisi sebagai keterangan dalam ayat. Sebagai contoh, berdasarkan pandangan penahu-penahu ini, kita boleh merumuskan bahawa kedua-dua peranan preposisi *di* dalam ayat (5) dan (6) dibentuk sebagai [tempat] iaitu satu label yang memberikan kita maklumat mengenai struktur semantik bagi preposisi itu dan fungsi frasa preposisi *di dalam laci* dan *di perpustakaan* sebagai frasa

keterangan/adverba.[2] Malah Arbak Othman (1981:175) menegaskan bahawa "tiap-tiap rangkaikata depan ini akan sentiasa berfungsi sebagai keterangan (adverba) dalam ayat-ayat tertentu bahasa Malaysia. Ini adalah kerana kehadiran rangkaikata depan sama ada di akhir atau di awal ayat sentiasa menerangkan kata kerja yang terdapat dalam ayat itu".

(5) Sarah meletakkan buku itu *di* dalam laci.
(6) Sarah membaca buku *di* perpustakaan.

Dalam ayat (5) dan (6), fungsi preposisi lokasi *di* adalah berbeza. Ini kerana di dalam ayat (5) menerangkan lokasi buku sedangkan di dalam (6) menerangkan keseluruhan peristiwa iaitu Sarah dan lakuan membaca yang mengambil tempat di perpustakaan. Perbezaan rujukan ini penting kerana ia membezakan fungsi sesuatu preposisi yang menurut Van Valin (2001a:95):

> *In general, if a location PP expresses the location of a participant (normally the one referred to by the theme NP), then it is a semantic argument… and because it is a semantic argument, it will also be a syntactic argument. If, on the other hand, a location PP indicates the location of the event as a whole, then it is not a semantic argument and is an adjunct.*

Sehubungan dengan itu, fungsi frasa preposisi dalam ayat tidak harus dibataskan kepada fungsi sebagai keterangan atau adverba sahaja. Ini adalah kerana sekiranya kata preposisi hadir dalam ayat seperti (7), kita akan mendapati bahawa dua frasa preposisi yang hadir membawa fungsi yang berbeza iaitu pertama sebagai argumen kepada kata kerja mem*beri* dan kedua berfungsi sebagai adjung (keterangan lokasi atau adverba tempat)

(7) Mirza memberi buku itu *kepada* Sarah *di* perpustakaan semalam.
(7a) * Mirza memberi buku itu.

---

[2] Adverba (Liaw Yock Fang 1985:172) atau adjung (Asmah Hj. Omar 1993) adalah satu unsur ayat yang opsyenal, ertinya satu unsur yang boleh dihilangkan tanpa mempengaruhi maksud ayat misalnya;
Ali menendang bola itu kelmarin.
Kita boleh menghilangkan *kelmarin* di dalam ayat di atas, ayat itu tetap utuh: *Ali menendang bola itu.* tidak demikian halnya kalau kita menghilangkan unsur ayat yang lain, misalnya objek bola: * *Ali menendang kelmarin.*

(7b) Mirza memberi buku itu *kepada* Sarah.

Dua preposisi *kepada* dan *di* dalam ayat (7) di atas mempunyai dua fungsi yang berbeza. Preposisi *kepada* merupakan argumen kepada kata kerja *memberi* manakala preposisi *di* merupakan adjung. Kriteria yang membezakan fungsi bagi kedua-dua preposisi ditentukan oleh ciri 'pengguguran'. Van Valin (2001a) menjelaskan "…*if an NP or PP is obligatorily present in a clause, then it is an argument of the verbs, whereas optional NPs or PPs are adjuncts.*" Dalam ayat (7), FPrep *kepada Sarah* perlu hadir bagi melengkapkan makna kata kerja *memberi*, sedangkan FPrep lokasi *di* boleh digugurkan tanpa menjejaskan makna yang ingin disampaikan.

Keupayaan menggugurkan FPrep lokasi adalah kerana *di perpustakaan* dan *semalam* bukan merupakan argumen semantik kepada kata kerja *memberi* kerana tidak menyumbang kepada makna inti dalam *memberi* malahan ia sekadar memberikan maklumat tambahan iaitu maklumat lokasi dan maklumat masa bila peristiwa *memberi* itu berlaku. Sebaliknya FPrep *kepada* merupakan argumen semantik kepada kata kerja *memberi*. Dengan kata lain, Fungsi FPrep *di* dan adverba masa dianggap sebagai adjung.

Satu lagi bukti yang boleh menunjukkan fungsi kehadiran FPrep boleh dibezakan adalah melalui bukti pendepanan fokus FPrep. Ramli Md. Salleh (1995) menyatakan, FPrep yang berfungsi sebagai adjung boleh dibawa ke hadapan ayat dengan ditandakan dengan intonasi koma. Sebagai contoh, dalam ayat (8) adverba lokasi boleh dihadapankan sebagaimana ditunjukkan dalam (8b).

(8a) Muaz membaca buku di perpustakaan.

(8b) Di perpustakaan, Muaz membaca buku.

Berbanding dengan FPrep adjung, FPrep yang disubkategorisasi tidak boleh dibawa ke hadapan.

(9a) Sarah berada di Kuala Lumpur.

(9b)* Di Kuala Lumpurkah Sarah berada ?

Kehadiran dua fungsi yang berbeza ini menunjukkan bahawa kata dan frasa preposisi mempunyai fungsi yang lebih daripada fungsi penerang sebagaimana yang lazim dinyatakan oleh para penahu sebelum ini dan fungsi yang berbeza yang dibawa oleh preposisi ditentukan oleh kata kerja yang muncul bersamanya dalam ayat. Dengan demikian pendapat seperti Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim et al. (1996) yang menyatakan fungsi frasa preposisi sebagai unsur keterangan atau adverba perlu diperluaskan.

1.3 TUJUAN KAJIAN

Kajian ini merupakan satu usaha untuk memperjelaskan pola kemunculan preposisi dalam klausa. Kemunculan preposisi dilihat sebagai mempunyai hubungan dengan kelas kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa. Untuk membuktikan hubungan ini, kajian ini akan mengenengahkan klasifikasi baru kata kerja bahasa Melayu. Dalam kajian ini pengelasan kata kerja adalah berdasarkan perbezaan *Aktionsart* (bahasa German untuk 'bentuk lakukan') iaitu kata kerja diklasifikasikan mengikut ciri temporal inheren (*inherent temporal properties*). Berasaskan kelas kata kerja ini, kajian ini akan memperlihatkan struktur logik kata kerja yang daripadanya dapat meramalkan jenis dan fungsi-fungsi preposisi yang hadir dalam klausa. Kajian ini juga secara tidak langsung bertujuan untuk menganalisis preposisi secara interaktif dari segi fungsi sintaksis dan semantik di dalam klausa yang dilihat sebagai berhubungan dengan kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa.

1.4 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini berhasrat untuk meneliti pola kemunculan preposisi dalam klausa yang dianggap mempunyai hubungan dengan jenis kata kerja yang muncul bersamanya. Justeru kajian ini cuba menyelesaikan beberapa persoalan kajian seperti dalam 10 (a-e) berikut:

10. (a) Apakah bentuk pengelasan kata kerja bahasa Melayu mengikut klasifikasi kata kerja *Aktionsart*?
    (b) Apakah kandungan semantik bagi preposisi dan adakah preposisi mempunyai fungsi yang lebih luas?
    (c) Adakah kata kerja mempunyai hubungan dengan preposisi yang hadir bersamanya dalam klausa dan sekiranya ada, apakah bentuk struktur logik yang diwakili oleh preposisi bahasa Melayu?
    (d) Setakat manakah penandaan preposisi dapat diramalkan daripada struktur logik kata kerja dalam klausa dan preposisi apakah skop dan fungsi yang dibawa oleh preposisi dalam klausa?
    (e) Apakah corak representasi struktur klausa bagi setiap fungsi preposisi dan apakah kaitan antara representasi semantik dan representasi sintaksis?

1.5 METODOLOGI KAJIAN

Menurut Vestergaard, T (1977:6), data linguistik boleh dikumpul mengikut tiga cara iaitu daripada korpus teks, data kendiri dan daripada informan penutur natif. Setiap kaedah mempunyai kelebihan dan kelemahan yang tersendiri dan bagi penghuraian lengkap bagi fenomena linguistik, ketiga-tiga kaedah tersebut harus digunakan.

Data daripada korpus dianggap sebagai amat perlu dalam penghuraian penggunaan sebenar iaitu deskripsi berkenaan dengan soalan-soalan seperti ‘Sejauh mana kekerapan elemen-elemen tertentu wujud dalam posisi/dengan intonasi dan sebagainya’, Sejauh manakah wujud perbezaan stilistik bagi elemen A dalam posisi B dan sebagainya?. Data korpus menyediakan maklumat tentang fakta-fakta linguistik yang mungkin tidak difikirkan oleh pengkaji sekiranya beliau hanya bersandarkan kepada data kendiri sahaja. Dengan kata lain, pemerhatian yang berdasarkan data korpus boleh ditentusahkan daripada penilaian yang berdasarkan kaedah intuisi penutur. Kelemahan utama data korpus adalah pertama, kaedah ini hanya menyediakan maklumat tentang ciri-ciri nyata bagi fenomena yang tertentu sahaja (misalnya, posisi, pendukung dan

intonasi bagi elemen) tetapi tidak mengenai kemungkinan keseluruhan (ciri-ciri tersembunyi) dan kedua, jika penghuraian itu adalah berdasarkan korpus yang terbatas, seseorang pengkaji itu terpaksa mencari contoh-contoh yang menerangkan perkara yang tertentu dalam satu tempoh masa yang tidak pasti (Vestergaad 1977:7). Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan korpus adalah kumpulan cebisan bahasa (atau teks lengkap) yang dipilih dan disusun mengikut kriteria linguistik yang eksplisit untuk digunakan sebagai sampel sesuatu bahasa (Siclair 1996 dlm. Rosli Ghani 2005:3)

Kaedah kendiri iaitu berasaskan intuisi penutur natif dan ujian informan (secara tidak formal) berkait rapat antara satu sama lain. Adalah wajar bagi seseorang pengkaji melakukan pemeriksaan data kendirinya dengan informan penutur natif. Dengan kata lain, ujian informan boleh mengesahkan andaian pengkaji bagi sesuatu fenomena yang dikaji.

1.5.1 Data

Dalam analisis kajian (khususnya dalam bab 5, 6, 7 dan 8), sebahagian besar data kajian diambil daripada dua buah novel iaitu, novel *Buih* (kod bahan B00348) oleh Azizi Hj. Abdullah (1995) dan Novel *Noni* (kod bahan B00286) oleh Abdullah Hussain (1997).[3] Data kedua-dua novel ini terlebih dahulu dirakamkan secara elektronik dan diinput ke dalam pangkalan data korpus bahasa Melayu, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP). [4] Rakaman secara elektronik menghasilkan korpus dua novel ini sebesar lebih kurang 24399 perkataan bagi novel Noni dan 31729 bagi novel Buih.

---

[3] Kedua-dua penulis ini merupakan penulis berpengalaman dan pernah mendapat pengiktirafan melalui hasil karya mereka. Abdullah Hussain pernah mendapat anugerah sasterawan negara pada tahun 1996 manakala salah satu karya Azizi Hj. Abdullah pernah dijadikan bahasa teks untuk sekolah.

[4] Untuk mendapat maklumat lengkap tentang pangkalan data korpus Dewan, lihat http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php.

1.5.1.1 Pemprosesan data

1.5.1.2 Senarai Kekerapan Preposisi

Seterusnya data teks dua novel ini dianalisis dengan perisian Malay Text Analysis (MATA)[5] untuk mendapatkan maklumat tentang kekerapan kata preposisi dalam teks tersebut. Contoh MATA bagi novel Noni dan Buih adalah seperti berikut:

Contoh MATA bagi novel Noni :

```
                WORD ANALYSIS - ROOT WORD FREQUENCY
                ***********************************
Options :
---------
Number of words                :          All
Frequency                      :          All

Total Number of Words                   24399   100.00000
      Root Words                        22499    92.21280
      Affixed Words                       998     4.09033
      New Words                           893     3.65999
      Numbers                               0     0.00000
      Invalid Words                         9     0.03689

##########################################################
Root Word                               Count         (%)
##########################################################
yang                         :          612     2.50830
khalil                       :          605     2.47961
dia                          :          498     2.04107
di                           :          304     1.24595
dengan                       :          241     0.98775
```

Contoh MATA bagi Novel Buih:

```
                    ******************************
                    WORD ANALYSIS - WORD FREQUENCY
                    ******************************

Options :
---------
Number or words                :          All
Frequency                      :          All

Total Words                             31729   100.00000

##########################################################
Word                                    Count         (%)
```

[5] MATA mampu menghasilkan statistik tentang sesebuah teks seperti berikut : (a) bilangan perkataan, (b) kekerapan perkataan, (c) bilangan dan senarai kata akar, (d) bilangan dan senarai kata beru, dan (e) bilangan dan senarai kata tidak sahih. http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php

dia	:	1264	3.98374
itu	:	956	3.01302
yang	:	758	2.38898
tidak	:	636	2.00448
ramli	:	546	1.72082
di	:	510	1.60736
dan	:	441	1.38990
dengan	:	**369**	**1.16297**
ke	:	**357**	**1.12515**

Berdasarkan senarai ini, kekerapan kata preposisi yang muncul dalam kedua-dua novel itu diteliti dan preposisi yang muncul paling kerap akan digunakan dalam analisis kajian. Hasilnya didapati tujuh preposisi sahaja iaitu preposisi *di*, *ke*, *dari*, *daripada*, *kepada*, *untuk* dan *dengan* mempunyai kekerapan yang tinggi berbanding preposisi-preposisi yang lain.

JADUAL 1.1 Kekerapan Kehadiran Kata Preposisi dalam Novel Noni

Word		Count	(%)
di	:	**510**	**1.60736**
dengan	:	**369**	**1.16297**
ke	:	**357**	**1.12515**
dari	:	**152**	**0.47906**
kepada	:	**150**	**0.47275**
untuk	:	**94**	**0.29626**
daripada	:	**88**	**0.27735**
oleh	:	73	0.23007
pada	:	65	0.20486
tentang	:	38	0.11976

JADUAL 1.2 Kekerapan Kehadiran Kata Preposisi dalam Novel Buih

Root Word		Count	(%)
di	:	**304**	**1.24595**
dengan	:	**241**	**0.98775**
ke	:	**136**	**0.55740**
untuk	:	**110**	**0.45084**
kepada	:	**79**	**0.32378**
dari	:	**72**	**0.29509**
daripada	:	**54**	**0.22132**
antara	:	13	0.05328
tentang	:	35	0.14345
demi	:		0.12
bagi	:		0.05

1.5.1.3 Konkordans

Konkordans ialah satu perisian/program yang membolehkan penyenaraian kekerapan sesuatu perkataan dalam sesebuah teks dalam baris yang sama. Ia memperlihatkan konteks perkataan yang berada sebelum dan selepas perkataan pilihan. Biber et al. (1998 dlm. Tengku Fauziah Ku Mat 2002) menyebut penyenaraian ini sebagai senarai konkordans. Contoh senarai korkordans kata preposisi *ke* dalam novel Noni adalah seperti berikut :

```
RECORD NUMBER      : 1

KEYWORD            : "ke"
CONCORDANCE        :

LINES :


     1 batu sejam. Debu  berterbangan ***ke*** udara. Syarifah Aini
terasa ku  B00286
     2  tekanan  minyak dan berpaling ***ke*** kiri. Anaknya tertidur
dengan   B00286
     3 aan kasih yang seni menyelinap ***ke***  dalam sanubarinya demi
dia me  B00286
```

Untuk memperjelaskan sesuatu analisis, kajian ini tidak akan mengambil data daripada baris konkordans sebagai contoh. Ini adalah kerana baris konkordans tidak menunjukkan ayat yang lengkap sebagaimana ditunjukkan oleh konkordans mengikut baris dua dan tiga di atas. Kajian ini akan mengambil ayat dalam korpus bagi memperlihatkan kehadiran preposisi dalam ayat yang lengkap dan sempurna sebagaimana ditunjukkan dalam contoh di bawah. Walau bagaimanapun sekiranya sesuatu fenomena yang diteliti tidak terdapat pada data korpus, pengkaji akan memberikan contoh berdasarkan intuisi pengkaji sebagai penutur natif bahasa Melayu. Kedua-dua kaedah ini boleh dianggap sebagai saling melengkapi antara satu sama lain. Dalam kajian ini, tidak semua ayat dalam korpus dipilih untuk dianalisis tetapi pemilihan contoh ayat akan dilakukan secara rawak iaitu beberapa contoh akan diberikan bagi menerangkan analisis yang dilakukan terhadap sesuatu preposisi itu.

Contoh ayat:

```
Debu  berterbangan ***ke*** udara.
```

```
Dia teringatkan anaknya, lalu melunakkan tekanan  minyak dan berpaling
***ke*** kiri.

Satu perasaan kasih yang seni menyelinap ***ke***  dalam sanubarinya
demi dia
memandang muka anaknya yang  tidur itu.
```

1.5.2 Penganalisisan Data

1.5.2.1 Pengkelasan Kata Kerja

Penelitian preposisi dilihat berasaskan hubungan kehadiran preposisi dengan kata kerja yang hadir bersamanya dalam klausa/ ayat. Sehubungan dengan itu, kata kerja turut diberi perhatian dalam kajian. Pengkelasan kata kerja dalam kajian ini akan berasaskan klasifikasi kata kerja *Aktionsart* mengikut Teori Role and References Grammar (RRG). Untuk menentukan sesuatu kelas kata kerja, satu siri ujian semantik dan sintaksis dilakukan sebagaimana dianjurkan oleh RRG yang mengelompokkan kata kerja kepada 10 jenis; iaitu, kata kerja keadaan, aktiviti, pencapaian, penyempurnaan, aktif penyempurnaan, kausatif keadaan, kausatif aktiviti, kausatif pencapaian, kausatif penyempurnaan dan kausatif aktif penyempurnaan (Hal ini akan diterangkan dengan lebih lengkap dalam bab III dan bab IV). Penentuan pola sesuatu preposisi akan dilihat berasaskan kemunculannya dengan kelas kata kerja yang muncul bersama dalam klausa/ayat. Daripada konkordans bagi sesuatu preposisi, akan diteliti kelas kata kerja yang hadir bersamanya. Kelas kata kerja ini kemudiannya akan diberi representasi semantik dalam bentuk struktur logik dan daripada representasi inilah akan memperlihatkan sama ada sesuatu preposisi itu hadir sebagai sebahagian makna kata kerja tersebut atau kata kerja itu tidak memerlukan maklumat preposisi untuk melengkapkan maknanya.

1.5.2.2 Pendekatan Pilihan

Kajian ini akan memanafaatkan secara aklektik Teori Peranan dan Rujukan (Role and Reference Grammar-RRG)[6] yang dimanifestasikan melalui tulisan-tulisan berikut yang didapati saling melengkapi antara satu sama lain seperti dalam (11a-I) beriku:

---

[6] Selepas ini akan ditulis sebagai RRG.

(11) a. Van Valin dan LaPolla (1997);

b. Van Valin (1999a);

c. Van Valin (1999b);

d. Van Valin (2002);

e. Van Valin (2004a);

f. Van Valin(2004b);

g. Van Valin (2001a);

h. Van Valin (2001b);

i. Jolly (1991, 1993)

1.5.2.3 Prosidur Analisis

Organisasi umum RRG digambarkan dalam rajah 1.1. Teori ini memperlihatkan interaksi antara komponen sintaksis (struktur), semantik (makna) dan pragmatik (fungsi berkomunikasi) bagi bahasa manusia. Berasaskan interaksi ini, teori ini mengutarakan tiga representasi utama iaitu representasi struktur sintaksis ayat, representasi semantik, dan representasi struktur maklumat (fokus) bagi ujaran. Walau bagaimanapun kajian ini hanya akan memberi tumpuan kepada aspek semantik, sintaksis dan perkaitan antara kedua-dua aspek ini.



RAJAH 1.1 Organisasi RRG

Sumber: Van Valin & LaPolla 1997

Dalam kajian ini, analisis akan dilakukan mengikut tiga konsep utama RRG, iaitu;

1. Representasi semantik kata kerja atau predikat utama dan dikaitkan dengan kemunculan preposisi dalam klausa. (Ditunjukkan dalam bab VI)
2. Representasi sintaksis untuk memperlihatkan fungsi preposisi dalam klausa. (Ditunjukkan dalam bab VII)
3. Perkaitan di antara kedua-dua representasi di atas melalui *Algoritma perkaitan*. (Ditunjukkan dalam bab VIII)

Secara ringkas, dengan mengambil contoh kata kerja *pergi* prosidur analisis kajian ini seperti berikut: *Pergi* merupakan kata kerja penyempurnaan kerana ia bercirikan [-statik, - ketepatan masa, + titik penamat]. Struktur logik bagi kata kerja penyempurnaan ini = MENJADI **di-lok'** (x,y), dan daripada struktur logik ini, kita boleh meramalkan bahawa adanya maklumat sasaran lokasi kerana struktur ini berpadanan dengan reprensentasi semantik preposisi *ke* iaitu sebahagian daripada makna kata kerja *pergi*. Langkah ke dua adalah menentukan fungsi preposisi dalam klausa. Berdasarkan struktur logik tersebut, kita dapat lihat bahawa preposisi *ke* muncul sebagai argumen kepada kata kerja *pergi* dan fungsi yang sedemikian dilabelkan sebagai argumen di dalam klausa. Representasi semantik ini kemudiannya akan dikaitkan kepada representasi sintaksis bagi memperoleh makna kata kerja yang diujarkan itu.

1.6 SEJARAH/ LATAR BELAKANG RRG [7]

RRG merupakan teori struktural- fungsian yang diperkenal dan dibangunkan oleh Foley dan Valin (1984), diperhalusi dan diperkembangkan oleh Van Valin (1993, dan sehingga kini) dan Van Valin dan LaPolla (1997).

RRG dibangunkan dalam percubaannya untuk menjawab dua persoalanan asas iaitu pertama, bagaimanakah rupanya teori linguistik jika ia diaplikasikan kepada analisis bahasa selain daripada bahasa Inggeris seperti bahasa Lakhota, Tagalog dan Dyirbal.

[7] Kronologi lengkap tentang sejarah dan perkembangan RRG boleh didapati pada laman web berikut: http://wings.buffalo.edu/soc-sci/linguistics/research/rrg/rrg_bibliography_chronology.html

Kedua, apakah sifat interaksi antara komponen sintaksis, semantik dan pragmatik dalam sistem tatabahasa yang berbeza (Van Valin & LaPolla 1997, Van Valin 2003). Isu-isu ini merupakan isu utama pada pertengahan 1970'an dan merupakan dilema kepada ahli-ahli linguistik di Amerika. Tatabahasa Dixon bagi bahasa Dyirbal dan tatabahasa Schachter dan Otanes bagi bahasa Tagalog telah diterbitkan dalam tahun 1972 dan implikasi dapatan bahasa-bahasa ini kepada teori linguistik baru sahaja diiktiraf. Tambahan pula, idea-idea aliran Praha dan Halliday mengenai peranan wacana-pragmatik dalam tatabahasa telah diterokai daripada berbagai perspektif yang berbeza. Kebanyakan isu tipologi, sebagai contoh konsep kesejagatan bagi "subjek" dan "topik" dalam sistem tatabahasa merupakan konsep penting dan konsep awal dalam RRG dan ini terserlah dalam hasil tulisan awal teori ini (Foley & Van Valin 1984, Van Valin & LaPolla 1997)

Teori yang paling banyak mempengaruhi RRG adalah tatabahasa Kasus (Fillmore 1968) (Van Valin & LaPolla 1997). Dalam model Fillmore, terdapatnya representasi semantik yang menggunakan peranan kasus semantik yang dipetakan kepada struktur permukaan sintaksis tanpa melibatkan campur tangan daripada peringkat representasi sintaksis.

Dalam pendekatannya kepada bahasa, RRG mengenal pasti kepentingan struktur malah memanfaatkan alat formal untuk menggambarkan struktur klausa sebagaimana teori sintaksis yang lain, umpamanya teori Kuasaan dan Tambatan (GB). Walau bagaimanapun, pada akhirnya fenomena ketatabahasaaan dijelaskan oleh aspek semantik dan pragmatik bagi ujaran dan dikaitkan dengan teori fungsian. Tumpuan RRG kepada kedua-dua aspek formal dan fungsian bagi bahasa menjadikan RRG dilabelkan sebagai "teori struktural- fungsian bagi tatabahasa" (Van Valin 1993). Van Valin dan LaPolla (1997:13) menyatakan:

> Berbeza dengan pandangan Chomsky, RRG menganggap bahasa sebagai satu sistem lakuan komunikasi sosial. Bagi mereka, analisis fungsi berkomunikasi dalam penghuraian struktur tatabahasa memainkan peranan yang penting. Dalam hal ini, RRG bersifat fungsionalisme tetapi bukan merupakan fungsionalisme secara radikal. Bahasa merupakan satu sistem dan tatabahasa adalah satu sistem pada pandangan ahli struktural tradisional: namun apa yang membezakan konsep

> RRG daripada ahli formalis standard adalah keyakinan bahawa struktur tatabahasa hanya boleh difahami dan dijelaskan berdasarkan semantik dan fungsi berkomunikasinya. Konsep RRG beranggapan sintaksis bukannya sesuatu yang mempunyai autonomi sebagaimana pandangan Chomsky. Daripada segi hubungan abstrak pragmatik dan sintagmatik yang menjelaskan sistem struktural, RRG memberi perhatian bukan sahaja kepada perkaitan kewujudan bersama dan kombinasi dalam istilah formal yang ketat tetapi juga kewujudan bersama semantik dan pragmatik dan hubungan kait antara mereka. Oleh itu mungkin lebih tepat RRG dicirikan sebagai teori struktural-fungsionalisme daripada menganggapnya sebagai formalisme asli atau fungsionalisme asli.[8]

RRG merupakan teori yang monostratal yang mengemukakan hanya satu tahap representasi sintaksis iaitu bentuk sebenar bagi ayat. Foley dan Van Valin (1984:16) menyatakan bahawa nama bagi teori ini terbit daripada penekanan kepada interaksi bagi faktor peranan (semantik) dan faktor rujukan (pragmatik) dalam sistem gramatikal. Dengan demikian RRG cuba menganalisis bahasa dengan rujukan kepada peranannya dalam komunikasi manusia. Justeru analisis bahasa melibatkan interaksi hubungan antara morfosintaksis dan fungsi komunikasi.

1.7 SKOP KAJIAN

1.7.1 Skop Preposisi

Preposisi merupakan unsur bahasa yang tidak boleh berdiri sendiri untuk memberi makna kepada ayat. Perkataan preposisi seperti *di, ke, kepada* atau *dengan* perlu hadir bersama dengan frasa nama untuk membentuk makna yang sempurna seperti *di masjid, kepada Ali* atau *ke kedai*. Sesetengah kata tidak sahaja mempunyai fungsi sebagai preposisi namun terdapat juga kata-kata ini yang mempunyai fungsi yang lebih daripada satu (dengan

---

[8] Petikan asal berbunyi " *RRG takes language to be a system of communicative social action, and accordingly, analyzing the communicative functions of grammatical structures plays a vital role in grammatical description and theory from this perspective…Language is asystem, and grammar is a system in the traditional structuralist sense; what distinguishes the RRG conception…is the conviction that grammatical structures can only be understood with reference to its semantics and communicative functions. Syntax is not autonomous. In terms of the abstract paradigmatic and syntagmatic relations that define a structural system, RRG is concerned not only with relations of cooccurrence and combination in strictly formal terms but also with semantic and pragmatics cooccurrence and combinatory relations.*" (Van Valin & LaPolla 1997:13)

menganggotai golongan kata lain) misalnya, kata *dalam*. Perkataan ini boleh menganggotai golongan kata preposisi apabila ia menunjukkan hubungan tempat seperti *dalam rumah*, tetapi apabila kata ini digunakan untuk menunjukkan sifat maka kata ini berubah fungsi dan golongan katanya kepada kata sifat (adjektif), misalnya *Perigi itu sangat dalam*. Sehubungan dengan ini, kajian ini hanya akan memberi tumpuan kepada penggunaan perkataan yang berfungsi sebagai preposisi sahaja manakala perkataan yang berkecenderungan mempunyai fungsi sebagai preposisi dan kata lain seperti *dalam* (preposisi dan kata adjektif), *sampai* (preposisi dan kata kerja) dan *akan* (preposisi dan kata bantu) tidak akan dibincangkan dalam analisis ini.

Nik Safiah Karim et al. (1996) telah menyenaraikan 23 jenis preposisi bahasa Melayu. Kajian ini tidak akan meneliti kesemua preposisi tersebut. Sebagaimana dinyatakan pada bahagian 1.5.1.2, kajian ini akan mengehadkan penelitian kepada tujuh jenis preposisi sahaja *iaitu di, ke, dari, kepada, daripada, untuk* dan *dengan*. Pengehadan ini berasaskan kekerapan preposisi yang muncul dalam kedua-dua bahan korpus pilihan. Berasaskan kepada MATA, didapati ketujuh-tujuh preposisi ini muncul dengan kekerapan yang tinggi berbanding preposisi-preposisi yang lain (lihat jadual 1.1). Di samping itu, kajian ini hanya akan menganalisis preposisi yang hadir bersama kata kerja, maka preposisi yang hadir dalam ayat tanpa kata kerja akan diabaikan.

1.7.2 Skop kata kerja

Kata kerja yang diteliti dalam kajian ini merujuk kepada kelas *Aktionsart* sebagaimana dianjurkan oleh RRG iaitu merangkumi kata kerja keadaan, kata kerja aktiviti, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktif penyempurnaan, kata kerja kausatif keadaan, kausatif aktiviti, kausatif pencapaian, kausatif penyempurnaan, kausatif dan kausatif aktif penyempurnaan. Walau bagaimanapun, tidak semua kata kerja ini akan diteliti. Penelitian hanya diberikan kepada kata kerja yang muncul bersama

preposisi yang dikaji. Jika sesuatu kelas kata kerja itu tidak ada dalam data, maka kata kerja tersebut akan diabaikan.

Kajian ini juga hanya memberi perhatian kepada kelas kata kerja yang mempunyai binaan FK yang diikuti oleh FPrep seperti berikut:

113 tu Syarifah Aini telah turun ***dari*** biliknya membawa sebuah beg B00286
lama tujuh tahun Ramli tinggal ***di*** asrama atas biasiswa kerajaan B00286
302 dibohonginya. Dia cuma pergi ***ke*** Alor Setar sahaja. Syarifah B00286
228 tang. Syarifah Aini telah naik ***ke*** atas, duduk di tepi jendela. B00286

Sehubungan dengan itu, binaan FK/predikat + FKOMP iaitu ayat-ayat berkomplemen yang ayat utamanya tidak bersubjek akan diabaikan. Contoh:
Agaknya mereka mahu tinggal ***di*** situ. (Noni).

Menurut Mashudi Kader et al. (2005) ayat-ayat berkomplemen yang ayat utamanya tidak bersubjek ialah ayat kompleks yang menggunakan kata kerja seperti *agaknya, rupanya, nampaknya, ternyata* dalam ayat utama. Sehubungan dengan itu, ayat seperti contoh di atas diabaikan kerana ayat tersebut mengandungi dua kata kerja iaitu *agaknya* dan *tinggal*.

1. 8 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian terdahulu tentang preposisi melihat preposisi sebagai bentuk kata yang tidak boleh berdiri sendiri sebagai perkataan bebas dan memerlukan FN sebagai unsur yang bergabung dengannya. Penelitian terdahulu tidak dapat menunjukkan bahawa pola kemunculan preposisi dalam klausa dapat diramalkan, oleh sebab penelitian preposisi dilihat secara tersendiri yang berasingan daripada unsur-unsur yang lain. Kajian ini berusaha untuk meneliti hubungan kata kerja dengan preposisi yang muncul bersamanya

dalam klausa. Berdasarkan pengelasan kata kerja mengikut ciri *Aktionsart*, kajian ini bukan sahaja berupaya menunjukkan bahawa kemunculan dan fungsi preposisi dalam klausa dapat diramalkan daripada kata kerja malah kajian ini juga memperlihatkan pengelasan baru tentang kata kerja bahasa Melayu. Sehubungan dengan itu, kajian ini secara tidak langsung memberi sumbangan dari sudut perkembangan ilmu nahu bahasa Melayu.

1.9 ORGANISASI KAJIAN

Kajian ini akan dipersembahkan berdasarkan organisasi berikut: Bab I merupakan bab pengenalan yang bertujuan untuk menyatakan permasalahan kajian, pendekatan pilihan, skop kajian dan sumber data yang akan menjadi fokus pengkaji dalam kajian ini. Bab II, merupakan kajian-kajian yang pernah dilakukan oleh sarjana tempatan dan luar tentang preposisi. Bab III akan membincangkan kerangka teori yang menjadi tunjang analisis kajian ini iaitu RRG yang akan digunakan dalam analisis tentang kata kerja dalam bab IV dan analisis tentang preposisi dalam bab VI, VII, VIII .

Bab V merupakan gambaran preposisi bahasa Melayu dan bab IV menunjukkan klasifikasi kata kerja bahasa Melayu. Bab VI, VII dan VIII menunjukkan analsisi bagi preposisi bahasa Melayu. Secara khusus bab VI merupakan analisis bagi memperlihatkan hubungan kata kerja dan preposisi yang ditunjukkan melalui struktur logik kata kerja manakala bab VII adalah bab yang membincangkan fungsi dan rumus penandaan preposisi dalam klausa. Bab VIII pula adalah bab akhir analisis iaitu perkaitan antara representasi semantik dan representasi sintaksis. Akhir sekali adalah bab IX yang merupakan bab kesimpulan bagi keseluruhan kajian ini.

BAB IX

KESIMPULAN

9.1 RINGKASAN KAJIAN

Kajian ini telah meneliti aspek semantik dan sintaksis bagi preposisi bahasa Melayu. Tujuh preposisi telah diteliti iaitu preposisi *di, ke, dari, kepada, daripada, untuk,* dan *dengan*. Bab I merupakan bab pengenalan yang memperlihatkan permasalahan kajian, tujuan kajian, persoalan kajian, metodologi kajian dan skop kajian. Bab II merupakan ulasan dan analisis kritis tentang aspek-aspek preposisi yang pernah diteliti oleh sarjana terdahulu sama ada sarjana dari dalam atau sarjana luar negeri. Bab III merupakan bab yang menjelaskan teori RRG yang digunakan sebagai landasan analisis. Kelebihan Teori RRG adalah ia menyediakan satu sistem untuk menganalisis dan mengklasifikasikan komponen-komponen yang signifikan dalam klausa dan menjadikan perkaitan antara kata kerja dan argumennya eksplisit yang memperlihatkan ramalan dan penjelasan tentang penandaan fungsi-fungsi preposisi dalam klausa boleh dijelaskan. Sehubungan dengan itu, analisis tentang preposisi telah memperlihatkan kehadirannya dalam klausa boleh diramalkan melalui struktur logik kata kerja.

Memandangkan analisis preposisi dilihat berdasarkan kemunculannya bersama kata kerja maka, bab IV telah mencadangkan pengelasan baru kata kerja bahasa Melayu yang berdasarkan kelas *Aktionsart* anjuran RRG. Melalui ujian sintaksis dan semantik, kajian ini mengenal pasti sepuluh kelas kata kerja bahasa Melayu iaitu kata kerja keadaan, kata kerja aktiviti, kata kerja pencapaian, kata kerja penyempurnaan, kata kerja aktif penyempurnaan, kata kerja kausatif keadaan, kausatif aktiviti, kausatif pencapaian,

kausatif penyempurnaan, dan kausatif aktif penyempurnaan. Pengelasan kata kerja ini ditunjukkan dalam jadual 9.1 di bawah:

JADUAL 9.1 Klasifikasi Kata Kerja Bahasa Melayu

a.Keadaan →	Kausatif keadaan
Ali sakit	Luka itu menyakitkan Ali.
b.Aktiviti →	Kausatif aktiviti
Adik membaca buku	Emak membacakan adik buku itu.
c.Pencapaian →	kausatif pencapaian
Belon itu meletup	Kanak-kanak itu meletupkan belon.
d.Penyempurnaan →	Kausatif penyempurnaan
Salji itu cair	Cuaca panas mencairkan salji itu.
e. Aktif penyempurnaan →	Kausatif aktif penyempurnaan
Peserta sukan itu berarak ke stadium	Ketua kontijen itu mengarak peserta sukan ke stadium

Pengelasan ini berbeza daripada pengelasan kata kerja yang pernah dilakukan oleh Mohd. Azemi Mohd Yusof (1999) kerana beliau telah membahagikan kata kerja kepada empat makna berbeza iaitu perbuatan, keadaan, proses dan pemerian. Beliau menampilkan pemaknaan kata kerja berdasarkan hubungan kata kerja dengan unsur lain dalam binaan ayat sama ada unsur sebelum atau sesudah kata kerja. Kajian ini telah menampilkan makna leksikal kata kerja berdasarkan ciri *Aktionsart*; *Aktionsart* hanya merujuk kepada ciri predikat linguistik dan bukan ciri bagi bentuk keadaan (*state of affairs*). Sistem ini boleh dianggap ekonomi kerana kata kerja- kata kerja yang mempunyai ciri semantik yang sama akan berada dalam kelas *Aktionsart* yang sama misalnya, kata kerja *datang, keluar, masuk, pergi, naik, pulang, balik* dan *turun* iaitu kata kerja gerak yang secara inheren bersifat berarah berada dalam kelas kata kerja penyempurnaan yang memiliki ciri [- statik, - ketepatan masa, + titik penamat]. Kesemua kata kerja ini direpresentasikan dalam leksikon sebagai [MENJADI **di-lok'**

(x,y)]. Catatan SL ini dapat memberi gambaran yang objektif tentang maklumat yang ada dalam kelas kata kerja, misalnya, SL ini menyampaikan maklumat lokasi, mempunyai tempoh masa (yang ditandai oleh operator MENJADI) dan titik penamat ke arah penyempurnaan sesuatu lakuan.

Bab V pula adalah gambaran tentang preposisi bahasa Melayu yang diteliti dari aspek makna dan fungsi. Kajian mendapati preposisi bahasa Melayu boleh dibahagikan kepada dua kumpulan utama iaitu preposisi statik dan preposisi dinamik. Preposisi statik tidak mengandungi komponen peralihan atau perubahan seperti preposisi *di* dan *dengan* manakala preposisi bersifat dinamik apabila ada komponen peralihan atau perubahan sama ada perubahan/peralihan tempat, posisi atau pemilikan seperti preposisi *ke, dari, daripada, kepada* dan *untuk*. Statik atau dinamik sesuatu prepsosisi itu boleh dikaitkan dengan kata kerja yang muncul bersamanya dalam klausa. Bab V juga telah membuktikan bahawa fungsi preposisi dalam klausa adalah lebih luas, berbanding dengan apa yang kebanyakan penahu membataskannya kepada fungsi adverba atau keterangan. Bab ini juga telah menjelaskan perbezaan di antara fungsi argumen dan fungsi adjung yang dibawa oleh preposisi dalam klausa.

Berkaitan dengan ini, maka dengan pengaplikasian RRG, bab VI dan VII telah menunjukkan bahawa kemunculan sesuatu preposisi dalam klausa berhubungan dengan SL kata kerja. Penelitian terdahulu tentang preposisi yang dilakukan oleh penahu-penahu awal seperti Za'ba (2000), Asmah Hj. Omar (1993) dan Nik Safiah Karim et al. (1996) menonjolkan preposisi dengan unsur yang mengikuti iaitu frasa nama. Kajian ini berbeza daripada kajian-kajian terdahulu kerana kajian ini telah berjaya menunjukkan bahawa kehadiran preposisi dalam klausa boleh diramalkan melalui struktur logik kata kerja. Mengenal pasti kelas *Aktionsart* sesuatu kata kerja adalah penting kerana daripadanya representasi leksikal yang dipanggil struktur logik boleh dibina dan struktur argumen sesuatu kata kerja boleh dikenal pasti. Sebagai contoh : kata kerja kerja penyempurnaan lokatif yang direpresentasikan dalam SL sebagai [MENJADI **di-lok'** (y,x)]]. Komponen yang ditandai oleh MENJADI **di-lok'** (y,x) berpadanan dengan SL yang direpresentasi oleh preposisi *ke* iaitu MENJADI **di-lok'** (y,x). Sehubungan dengan

itu kita boleh meramalkan bahawa preposisi *ke* muncul dalam konteks ayat penyempurnaan lokatif. Sistem RRG yang memperlihatkan perkaitan antara kata kerja dan argumennya secara eksplisit dan objektif membolehkan peramalan dilakukan terhadap kemunculan preposisi dalam klausa. Peramalan sesuatu kemunculan preposisi itu berasaskan SL kata kerja yang mengandungi komponen SL yang berpadanan dengan preposisi itu. Kajian ini menunjukkan kehadiran preposisi dalam SL kata-kata kerja berikut boleh diramalkan :

1. Kata kerja keadaan 'menetap'

   ⟶ **di-lok'** (x,,y)= preposisi *di*

2. Kata kerja penyempurnaan gerak yang secara inheren bersifat berarah

   MENJADI TIDAK **di-lok'** (x, y) & MENJADI **di-melalui'** (x, y) & MENJADI **di-lok'** (x,y)

   ⟶ MENJADI TIDAK **di-lok'=** preposisi *dari*

   MENJADI **di-melalui'=** preposisi *melalui/sepanjang*

   MENJADI **di-lok'=** preposisi *ke*

3. Kata kerja kausatif penyempurnaan

   [**melakukan'**(w,Ø)] MENYEBABKAN [MENJADI TIDAK **pred'**(x,y) & MENJADI **pred'**(z,y)].

   ⟶ MENJADI TIDAK **pred'=** preposisi *daripada*

   MENJADI **pred'=** preposisi *kepada*

4. Kata kerja aktiviti, penyempurnaan dan kata kerja keadaan keinginan.

   mahu' (x,SL_2) ∧ MELAKUKAN (x,[SL_1…MENYEBABKAN…SL_2])

   ⟶ **mahu'** (x,SL_2)= preposisi BERTUJUAN *untuk*

Kajian ini mendapati, preposisi *dengan* berbeza dengan preposisi-preposisi yang lain. Ini kerana kemunculan preposisi *dengan* tidak dapat diramalkan melalui SL kata kerja kerana berbeza dengan preposisi-preposisi lain, preposisi *dengan* tidak SL yang khusus

yang boleh dikaitkan dengannya. Cuma dalam kata kerja kausatif penyempurnaan 'memotong' sahaja, yang mengambil argumen alat dalam SLnya sebagaimana berikut :

5. [**melakukan'** (x,[…])] MENYEBABKAN [[…**melakukan'** (y,[…])] MENYEBABKAN [MENJADI/INGR **pred'** (…)]]

Makna preposisi *dengan* yang lain seperti pelaksana, komitatif dan sebagainya hanya muncul sebagai predikat tambahan bersama dengan SL sesuatu kata kerja. Berdasarkan pola preposisi yang sepadan dengan SL kata kerja maka kajian ini telah memperlihatkan bagaimana kemunculan empat preposisi bahasa Melayu dalam klausa boleh diramalkan melalui rumus penandaan preposisi seperti ditunjukkan pada jadual 9.2.

JADUAL 9.2 Rumus Penandaan Preposisi Bahasa Melayu

Preposisi	**Rumus**
Kepada	Tandakan *kepada* kepada bukan PM argumen x dalam segmen SL: …MENJADI/INGR **pred'** (x,y)
Daripada	Tandakan *daripada* kepada argumen x bukan –Peranan Makro dalam segmen SL:…MENJADI/INGR TIDAK **pred'** (x,y)
Dari	(i).Tandakan *dari* kepada argumen x bukan –Peranan Makro dalam segmen SL:…MENJADI /INGR TIDAK **di-lok'** (x,y) ATAU (ii).Tandakan *dari* kepada argumen x bukan –Peranan makro dalam segmen SL:…[**statif'** (**di-lok'** (x,y)]
Ke	Tandakan *ke* kepada argumen x bukan –Peranan Makro dalam segmen SL:…MENJADI /INGR **di-lok'** (x,y)

Berkaitan dengan penandaan preposisi, bab VII juga telah menunjukkan bahawa fungsi preposisi tidak terbatas sebagai adjung (adverba/keterangan) sebagaimana dinyatakan oleh penahu-penahu sebelum ini (antaranya Asmah Hj. Omar 1993 dan Nik Safiah Karim et al. 1996). Malah penelitian Ramli Md. Salleh (1995) hanya berupaya menunjukkan fungsi sintaksis preposisi sebagai subkategorisasi kata kerja dan adjung

kepada ayat. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa dalam bahasa Melayu, kehadiran preposisi dalam klausa boleh dibezakan melalui tiga fungsi yang berbeza : (1) penandaan argumen ; (2) adjung iaitu, predikatnya sendiri, memperkenalkan FN kepada klausa dan kepala FPrep yang merupakan sipian (adjung) bagi inti ; (3) argumen- adjung iaitu, predikatnya sendiri, memperkenalkan argumen kepada klausa dan berkongsikan argumennya dengan struktur logik inti. Preposisi yang berfungsi sebagai penandaan argumen dilabelkan sebagai bukan predikatif dan preposisi dalam FPrep sipian adjung dilabelkan sebagai predikatif oleh sebab ia tidak menandakan argumen kata kerja. Hasil kajian mendapati fungsi yang berbagai yang dibawa oleh preposisi ditentukan kata kerja yang hadir bersamanya dalam klausa. Sebagai contoh : preposisi yang hadir sebagai penandaan argumen adalah preposisi *ke, dari* yang muncul bersama kata kerja penyempurnaan gerak, dan preposisi *kepada* dan *daripada* yang muncul bersama kata kerja kausatif penyempurnaan. Preposisi *di* pula adalah contoh bagi preposisi yang hadir sebagai adjung dalam klausa khususnya apabila muncul bersama kata kerja aktiviti. Preposisi *ke* pula adalah contoh bagi preposisi yang membawa fungsi argumen-adjung apabila muncul bersama dengan preposisi aktiviti.

Kajian mendapati preposisi boleh mempunyai ketiga-tiga fungsi tersebut misalnya, preposisi *untuk* boleh berfungsi secara predikatif atau bukan predikatif ditentukan oleh kata kerja yang hadir bersamanya. Walaupun preposisi ini mempunyai fungsi yang berbeza tetapi kandungan semantiknya sebagai BERTUJUAN dalam ketiga-tiga fungsi adalah sama iaitu direpresentasikan sebagai **mahu'** (x, SL_2) Λ MELAKUKAN(SL_1 MENYEBABKAN SL_2).

a.Sarah berazam *untuk* berjaya. -Penandaan argumen (kata kerja keadaan)

b.Sarah menyanyi *untuk* adiknya. -Adjung (kata kerja aktiviti)

c. Sarah memasak nasi *untuk* adiknya. - Argumen-adjung
(kata kerja kausatif penyempurnaan)

Sehubungan dengan itu, kajian ini mendapati representasi leksikal melalui SL mampu menyerlahkan struktur semantik bagi preposisi, meramalkan kemunculan preposisi dan juga mengenal pasti fungsi-fungsi yang dibawa oleh preposisi dalam klausa. Dalam representasi sintaksis, FPrep predikatif dan bukan predikatif mempunyai struktur representasi yang berbeza. Perbezaan representasi struktural bagi kedua fungsi ini dilakarkan dalam rajah 9.3.



(a) Predikatif (b) bukan predikatif

RAJAH 9.3 Frasa Preposisi Bahasa Melayu

Preposisi predikatif yang berfungsi sebagai predikat, mempunyai struktur berlapis iaitu adanya predikat preposisi di dalam nukleus dan keseluruhan struktur semantiknya dianggap sebagai argumen inti. Ini ditunjukkan dalam rajah 9.3a. FPrep bukan predikatif pula merupakan bukan predikat dan oleh itu ia tidak mempunyai struktur ini. Struktur bagi frasa preposisi bukan predikatif diberikan dalam rajah 9.3b.

Bab VIII merupakan bab akhir analisis tentang preposisi. Bab ini telah menunjukkan bagaimana hubungan di antara Bab VI yang menunjukkan representasi semantik bagi kata kerja dan preposisi dan bab VII yang menunjukkan repreresentasi sintaksis dan penandaan bagi fungsi preposisi dalam klausa dihubungkan melalui *Algoritma perkaitan* (iaitu satu set rumus). Oleh kerana RRG merupakan teori yang monostratal iaitu menggambarkan hanya satu representasi sintaksis bagi ayat maka

perkaitan kepada representasi semantik atau sebaliknya dijelaskan melalui *Algoritma perkaitan*. Dalam perkaitan semantik – sintaksis, bab ini telah menunjukkan bagaimana *rumus leksikal* iaitu rumus yang menerbitkan satu penggunaan asas kata kerja kepada penggunaan-penggunaan lain diaplikasikan dalam sistem perkaitan ini. Rumus ini menerangkan bagaimana makna leksikal bagi kata kerja (iaitu yang biasanya ditemui dalam entri leksikon) adalah berbeza dengan makna kata kerja yang diungkapkan dalam klausa-klausa tertentu. Dalam istilah *Aktionsart*, ini bermaksud kata kerja mempunyai jenis *Aktionsart* asas iaitu bagaimana ia direpresentasikan dalam leksikon. Walau bagaimanapun penambahan FPrep atau adverba kerap kalinya akan menghasilkan interpretasi *Aktionsart* yang berbeza bagi kata kerja dalam konteks keseluruhan klausa. Hal ini telah dijelaskan dalam bab ini sebagai contoh, kata kerja *berlari* iaitu kata kerja aktiviti yang menerbitkan alternasi aktif penyempurnaan apabila menerima preposisi *ke* sebagai menunjukkan sasaran destinasi. RRG menjelaskan hubungan antara alternasi yang berlaku ini melalui rumus leksikal berikut dalam sistem perkaitan semantik kepada sintaksis:

> Aktiviti [gerak] → aktif penyempurnaan: diberi SL aktiviti **melakukan'**(x,[**pred'**(x)]), tambah '& MENJADI **di-lok'** (y,x)' untuk ` membentuk SL aktif penyempurnaan

Dalam bab VIII juga ditunjukkan rumus komposisi bersama yang berperanan dalam perkaitan sintaksis-semantik. Dalam perkaitan ini pendengar harus bergantung kepada tanda-tanda morfosintaksis nyata dalam ayat untuk menentukan makna sesuatu ungkapan. Dalam perkaitan ini, dengan menggunakan contoh yang sama iaitu menjelaskan alternasi aktiviti → aktif penyempurnaan, SL kata kerja dalam nukleus akan digabungkan dengan SL preposisi yang menandakan sasaran FPrep untuk memperoleh SL yang sesuai bagi aktif penyempurnaan. Secara tidak langsung bab ini telah menjelaskan bagaimana preposisi *dengan* yang tidak mempunyai SL yang khusus tetapi melalui sistem perkaitan dapat ditunjukkan bagaimana fungsi bukan predikatif preposisi muncul dalam klausa. Sehubungan dengan itu dalam bahasa Melayu, alternasi yang berlaku dalam kata kerja ditunjukkan melalui dua cara iaitu, sama ada dienkodkan melalui sistem morfologi atau melalui rumus leksikal atau komposisi bersama.

9.2 Implikasi Kepada Penggunaan Preposisi Bahasa Melayu

Kajian ini membuktikan hasil daripada sistem dekomposisi leksikal, hubungan antara kata kerja atau predikat dengan argumennya dapat ditunjukkan secara jelas dan secara tidak langsung dapat meramalkan kehadiran prepoisisi dalam klausa. Daripada struktur logik dan penandaan rumus preposisi bagi setiap preposisi yang telah dibincangkan, beberapa isu berhubung kekeliruan penggunaan preposisi bahasa Melayu boleh diberikan alternatif bagi cara menyelesaikannya.

9.2.1 Preposisi *Ke* dan *Kepada*

Asmah Hj. Omar telah memberikan contoh yang menunjukkan kata kerja baerlari boleh menerima preposisi ke dan kepada sebagaimana berikut:

(6) Dia <u>berlari</u> *kepada* emaknya.

(7)Dia <u>berlari</u> *ke (arah)* emaknya.

(Asmah Hj. Omar 1993 :185).

Jika dilihat dari segi hubungan preposisi dengan kata kerja, didapati preposisi kepada muncul bersama kata kerja kausatif penyempurnaan dan bukan bersama kata kerja aktiviti. Oleh itu ayat (6) boleh diberi penjelasan berikut :

SL bagi kata kerja *berlari* adalah **melakukan'** (x, [**berlari'** (x)), dan sekiranya frasa matlamat diberikan SL ini akan berubah kepada : **melakukan'** (x, [**berlari'** (x) & MENJADI **di-lok'** (x, y). Argumen yang berpada dengan SL ini diisi oleh predikat MENJADI **di-lok'** (emaknya, GN3) iaitu sejajar dengan makna yang dibawa oleh preposisi *ke* dan bukan preposisi *kepada*. Berdasarkan hubungannya dengan kata kerja, preposisi *kepada* lazimnya muncul bersama dengan kata kerja penyempurnaan kausatif, sedangkan kata kerja *berlari* merupakan kata kerja aktiviti. Dan sebagaimana telah dijelaskan apabila kata kerja aktiviti ingin mengungkapkan sasaran, melalui rumus leksikal kata kerja ini menerima preposisi *ke* yang mengubah kelas kata kerjanya sebagai aktif penyempurnaan.

9.2.2 Preposisi *Atas* dan *Dalam* Sebagai Reruang Fizikal

Maklumat lokasi bagi preposisi ditandai dalam struktur logik sebagai (**di-lok'** (x,y)) iaitu x merupakan lokasi dan y merupakan tema. Sehubungan dengan itu, SL preposisi lokatif *di, ke* dan *dari* mempunyai komponen **di-lok'** (x,y) bagi menandakan hubungan pelaku atau peristiwa kepada lokasi. Apabila preposisi ini digabungkan dengan kata reruang seperti *dalam, atas* dan sebagainya akan membentuk preposisi reruang. Preposisi reruang seperti *di dalam* atau *ke atas* mempunyai struktur logik yang sama iaitu **di-lok'** (x, y) cuma kata reruang ini akan menggantikan **lok'** yang menunjukkan maklumat lokasi yang lebih khusus bagi menggambarkan dimensi ruang posisi yang dirujuk. Ayat-ayat (7) –(9) adalah contoh bagi penggunaan preposisi reruang dalam data kajian.

(8) Dia yang menelentang ***di atas*** katil tampak bersahaja. (Buih)
(9) Pengawal keluar ***dari dalam*** gardunya untuk bertanya. (Noni)
(10) Mereka menjumpainya sudah tidak bernyawa ***di dalam*** perahunya. (Noni)

Kesemua FPrep bagi ayat-ayat (10-12) boleh diwakili oleh SL berikut

(8a)…**di-atas'** (katil, GN3)
(9a) MENJADI TIDAK **di-dalam'** (gardu, GN3)
(10a)…**di-dalam'** (perahu, GN3)

Apabila ayat-ayat di atas menggugurkan preposisi lokatif *di, dari* atau *ke,* representasi bagi ayat-ayat tersebut masih sama, oleh sebab kehadiran preposisi itu ditentukan oleh kata kerjanya. Kata kerja *menelentang* dan *menjumpai* merupakan kata kerja keadaan dan pencapaian yang tidak memerlukan ungkapan perubahan lokasi. Bagi menunjukkan maklumat lokasi ia dihubungkan dengan preposisi *di* yang menunjukkan posisi lokasi yang menjadi rujukan. Kata kerja *keluar* merupakan kata kerja penyempurnaan gerak yang menandakan adanya peralihan posisi iaitu ada permulaan dan penamat.

Sehubungan dengan itu kata kerja ini memerlukan preposisi direktif bagi menyampaikan maklumat berlakunya perubahan lokasi. Dengan kata lain, kesemua kata kerja ini telah mempunyai maklumat **di-lok'** untuk menyempurnakan makna ayat tersebut.

Argumen x dalam struktur logik **di-lok'** (x,y) merujuk kepada lokasi yang mempunyai ruang asas fizikal yang berupa bentuk konkrit seperti bangunan, rumah, meja dan sebagainya. Sehubungan dengan itu hubungan lokasi boleh memberi rujukan kepada bentuk ruang itu sendiri seperti atas x, bawah x, depan x, dalam x atau belakang x.

9.2.3 Preposisi *Atas* Dan *Dalam* Sebagai Reruang Domain

Sebagaimana ditunjukkan pada bahagian 9.2.2, preposisi *atas* dan *dalam* yang hadir bersama ayat penyempurnaan lokatif, keadaan lokatif dan pencapaian lokatif mengungkapkan hubungan lokatif fizikal. Walau bagaimanapun preposisi *atas* dan *dalam* yang hadir dalam ayat keadaan membawa maksud reruang domain. Cuyckens (1993:27) mendefinisikan preposisi reruang (spatial prepositions) sebagai berikut:

> *Spatial prepositions indicate the spatial relation between two arguments x and y, i.e how x and y relate to each other in space. More specifically, in a large number of cases, spatial prepositions describe the place/location of x (in other words, they assign x to a particular place) by using the argument y as reference or still, they serve to locate x with respect to y, or rather the place of y.*

Ayat (11) dan (12) memperlihatkan kehadiran preposisi *atas* dan *dalam* sebagai membawa fungsi reruang domain.

(11)

a. Amin bagaikan hendak sujud syukur ***atas*** jawapan itu. (Buih)

b. Dia tidak memberi jawapan ***atas*** pertanyaan itu. (Buih)

c. Lim menolak ***atas*** alasan sudah menjadi barang kes. (Buih)

d. Akibat menerima hukuman penjara, pasti sukar Khalilah diterima bekerja melainkan ***atas*** dasar simpati dan kasihan dari mana-mana firma. (Buih)

(12)

a. Ramli itu sekarang ***dalam*** kesulitan. (Noni)

b. Ada juga yang dibina ***dalam*** bentuk yang cantik, seperti rumah kampung biasa dan sedikitpun tidak nampak seperti rumah haram yang dibuat secara kilat. (Noni)

c. Walaupun rumah mereka ***dalam*** serba kekurangan terutama air dan api, tetapi dia berasa senang tinggal di situ. (Noni)

d. Dia masih tetap menahan dirinya daripada segala godaan kemewahan hidup, baik ***dalam*** soal makanan mahupun dalam soal pakaian. (Noni)

Preposisi *atas* dan *dalam* merupakan preposisi reruang yang hadir dalam konteks ayat-ayat penyataan keadaan. Nik Safiah Karim et al. (1996 :270) dalam memperkatakan tentang kata preposisi *dalam*, menyatakan " …sebagai kata sendi nama, *dalam* hadir di hadapan kata nama atau frasa nama yang membawa pengertian lingkungan yang tidak mempunyai ruang atau jarak". Walau bagaimanapun, kalau kita perhatikan dalam kesemua contoh di atas, preposisi *atas* dan *dalam* mempunyai makna reruang tetapi dalam kes ini tidak mengenai ruang fizikal (sebagaimana ditandai oleh preposisi lokatif reruang) tetapi berhubung dengan ruang sesuatu domain. Ruang fizikal yang diandaikan dalam preposisi ini adalah berasaskan paksi objek rujukan seperti paksi depan, belakang, kanan, kiri, atas dan bawah, manakala ruang sesuatu domain tidak melibatkan paksi bagi objek rujukan tetapi berfokuskan lingkungan sesuatu keadaan atau perkara. Ayat (11), fokus domainnya adalah pada *jawapan*, *pertanyaan, alasan* dan *simpati* manakala dalam ayat (12) fokus domainnya adalah *kesulitan, sesuatu bentuk, kekurangan, soal makanan* , dan soal *pakaian*. Sebagai contoh FPrep *dalam kesulitan*, frasa ini berfokuskan domain *kesulitan* dan tidak domain lain (misalnya, masalah, kesenangan dan sebagainya).



Dalam kesulitan *Atas pertanyaan*

RAJAH 9.4 Domain Yang Menjadi Fokus Preposisi *Atas* dan *Dalam*.

Preposisi *atas* dan *dalam* merupakan preposisi yang merujuk ruang objek atau domain itu sendiri yang berbeza dengan kata reruang yang lain seperti *depan, belakang* dan sebagainya yang merujuk kepada bahagian 'berhampiran' yang tidak mengenai objek atau domain itu (lihat bab V). Sehubungan dengan itu, penggunaan preposisi *atas* dan *dalam* masih berhubung dengan ruang domain itu sendiri. SL bagi preposisi reruang ini boleh dinyatakan seperti berikut;

(13)

a. SL dalam :**di-lok'** (domain, x)

b. SL atas : [**di-lok'** (domain, x) MENYEBABKAN [MENJADI **pred'** (y,x)]

Walau bagaimanapun struktur logik bagi kedua preposisi ini memperlihatkan perbezaan. *Atas* melibatkan peristiwa berurutan manakala *dalam* berhubungan dengan satu peristiwa sahaja. Lazimnya preposisi *dalam* hadir pada ayat keadaan manakala kata preposisi *atas* muncul sebagai kausatif. Preposisi *atas* boleh mengungkapkan peristiwa anteseden dan dituruti oleh konsekuen misalnya, bagi kesemua ayat (11) mempamerkan hubungan anteseden dengan konsequennya. Hubungan kausatif yang dibawa oleh preposisi reruang *atas* ditunjukkan pada struktur logik (13b) iaitu dua proposisi anteseden dan konsequen dihubungkan oleh operator MENYEBABKAN.

atas jawapan		hendak sujud	
atas pertanyaan		memberi jawapan	
atas alasan	Anteseden	menolak	konsequen
atas dasar simpati		diterima bekerja	

9.3 ASPEK-ASPEK YANG BOLEH DITEROKAI PADA MASA DEPAN

Kajian ini berkisar tentang perilaku preposisi bahasa Melayu yang dihubungkan dengan jenis kata kerja. Tujuh jenis preposisi diteliti iaitu preposisi *di, ke, dari, kepada, daripada, untuk* dan *dengan*. Tumpuan preposisi ini diteliti adalah kerana ia mewakili preposisi lokatif, preposisi transisi, preposisi purposif dan preposisi penyertaan. Makna dan fungsi preposisi dilihat berasaskan hubungan preposisi dengan jenis kata kerja yang hadir bersamanya dalam ayat. Walau bagaimanapun, masih ada lagi preposisi-preposisi lain yang tidak diteliti. Sehubungan dengan itu, kajian lanjut boleh dicadangkan iaitu dengan melihat bentuk-bentuk preposisi lain seperti preposisi temporal, preposisi agentif, ligatur, kiasan dan penafian. Penelitian-penelitian lanjut ini boleh memberi gambaran yang lengkap dan menyeluruh bagi perilaku dan fungsi preposisi bahasa Melayu.

Selain daripada itu analisis lanjut tentang RRG terhadap bahasa Melayu boleh dilakukan. Sebagai contoh : bagaimana andaian teoritis RRG sebagai teori tatabahasa struktur-fungsi memperjelaskan tentang fenomena morfosintaksis dalam ayat bahasa Melayu dan bagaimana bahasa Melayu mengikuti dan menyokong andaian umum RRG sebagai teori tatabahasa yang universal. Pengelasan kata kerja bahasa Melayu berdasar kelas *Aktionsart* boleh diperincikan lagi khususnya dari aspek kata kerja kausatif bahasa Melayu, peranan imbuhan dalam pengelasan kata kerja dan alternasi yang diterbitkan daripada kata kerja asas. Selain itu, kajian ini hanya memberi fokus kepada dua konsep utama RRG iaitu representasi semantik dan represenatsi sintaksis. Konsep struktur fokus (peranan wacana-pragmatik) tidak disentuh dalam kajian ini, oleh itu penelitian lanjut boleh dilakukan bagi memperlihatkan bagaimana ketiga-tiga representasi berperanan dalam sistem komunkasi manusia. Kajian-kajian lanjut tentang RRG terhadap bahasa

Melayu dapat menambah kosa ilmu tentang analisis tatabahasa bahasa Melayu yang telah sedia ada.

9.4 PENUTUP

Kajian ini merupakan satu kajian yang menggunakan pendekatan alternatif bagi melihat makna dan fungsi preposisi. Kajian terdahulu tentang preposisi hanya memperlihatkan bagaimana preposisi memberi peranan semantik kepada FN yang mengikutinya. FN yang sama boleh menerima peranan semantik yang berbagai bergantung kepada kata preposisi yang diikutinya. Dalam FPrep *di sekolah, sekolah* menerima peranan semantik sebagai posisi lokasi ; FN *sekolah* dalam *ke sekolah* berperanan sebagai sasaran lokasi dan FN *sekolah* dalam *dari sekolah* berperanan sebagai sumber lokasi. Kajian ini dengan cara yang lain telah memperlihatkan adanya hubungan antara preposisi dan kata kerja. Berdasarkan hubungan ini, kajian ini telah memperlihatkan kemunculan preposisi boleh diramalkan melalui rumus penandaan preposisi. Kata kerja sebagai unsur inti dalam ayat menentukan frasa preposisi yang hadir dalam ayat. Kajian ini telah memperlihatkan bahawa analisis preposisi mesti mengambil kira aspek sintaksis dan semantik di mana preposisi itu muncul. Secara tidak langsung sistem operasi RRG memberi gambaran bagaimana menganalisis bahasa. Untuk menentukan struktur argumen kata kerja, kita perlu menetapkan kelas *Aktionsart*nya terdahulu. Setelah memperoleh kelas *Aktionsart*nya, kita bina SLnya dan daripadanya dapat ditentukan struktur argumennya. Berasaskan teori RRG, Bahasa Melayu sebagaimana dengan bahasa-bahasa lain (yang telah dikaji) menyokong andaian-andaian teoritikal bagi teori ini.